الأربعون النووية

Hadis 40

Al-Imam An-Nawawi

(Siri 2)



www.alkahfi.com.my

Isi Kandungan

Hadis 8- Darah Umat Islam Terpelihara 3
Huraian 3
Meninggalkan Hukum Islam Yang Lain 4
Hadis 14- Tidak Boleh Membunuh Tanpa Hak 6
Huraian: 7
Merejam Penzina Yang Sudah Berkahwin 7
Balas Bunuh 10
Hukuman Bunuh Yang Lain 13
Hadis 35- Muslim Adalah Bersaudara 17
Huraian Hadis 18
Larangan Dengki 18
Larangan An-Najsy 20
Larangan saling membenci 20
Larangan tidak bertegur sapa 22
Larangan membeli atas belian saudara seIslam 23
Larangan menzalimi saudara seIslam dan membiarkannya dizalimi 23
Larangan Berbohong 23
Larangan Memandang Rendah Orang Lain 25
Menyebarkan Salam 25
Saling Memberi Hadiah 25
Berjabat Tangan 26
Taqwa itu dihati 26
Hadis 13- Mencintai Saudara Seperti Mencintai Diri Sendiri 27
Huraian hadis: 27
Mencintai dan Membenci Kerana Allah 27
Hadis 36- Membantu Saudara SeIslam 29
Huraian: 30
Menghilangkan Kesusahan Orang Lain 31
Memudahkan urusan hutang 32
Menutup keaiban manusia 33
Membantu Saudara SeIslam 34

Kelebihan Menuntut Ilmu 34
Kelebihan Duduk Di Masjid dan Mempelajari Al-Quran 36
Hadis 32- Tidak Boleh Menimbulkan Kemudharatan 38
Takhrij Hadis 38
Huraian hadis: 39
Wasiat untuk memudharatkan waris 40
Haramnya ruju’ untuk memudharatkan isteri 42
Al-Ila’ : Suami tidak menggauli isteri selama 4 bulan 43
Menghalang isteri menyusukan anak 43
Hadis 24- Haramnya Kezaliman 44
Huraian hadis 46
Apakah maksud kezaliman? 46
Haram melakukan kezaliman 46
Manusia insan yang faqir 49
Setiap amalan akan dibalas 55
Hadis 7: Agama Adalah Nasihat 55
Hadis 34- Mengubah Kemungkaran 56
Huraian hadis 56
Dakwah memerlukan keberanian 58
Akibat Meninggalkan Amar Ma’ruf Nahi Munkar 59

Hadis 8- Darah Umat Islam Terpelihara

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلاَةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلاَّ بِحَقِّ الإِسْلاَمِ، وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Aku disuruh untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, dan membayar zakat. Apabila mereka melakukan hal itu, maka darah dan harta mereka terpelihara daripada ku kecuali dengan hak Islam. Urusan mereka terpulang kepada Allah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 25 dan Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 22]

Huraian

Hadis ini menunjukkan bahawa umat Islam wajib melindungi nyawa dan harta umat Islam yang lain apabila mereka menzahirkan bahawa mereka adalah Muslim. Tidak kira sama ada mereka ikhlas memeluk Islam atau tidak. Kita hanya dibenarkan menghukum dengan zahir sahaja, keikhlasan pengIslaman mereka adalah urusan mereka dengan Allah.

Usama bin Zaid radiallahu 'anhu menceritakan:

بَعَثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم إِلَى الْحُرَقَةِ، فَصَبَّحْنَا الْقَوْمَ فَهَزَمْنَاهُمْ وَلَحِقْتُ أَنَا وَرَجُلٌ مِنَ الأَنْصَارِ رَجُلاً مِنْهُمْ، فَلَمَّا غَشِينَاهُ قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ. فَكَفَّ الأَنْصَارِيُّ، فَطَعَنْتُهُ بِرُمْحِي حَتَّى قَتَلْتُهُ، فَلَمَّا قَدِمْنَا بَلَغَ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم فَقَالَ " يَا أُسَامَةُ أَقَتَلْتَهُ بَعْدَ مَا قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ " قُلْتُ كَانَ مُتَعَوِّذًا. فَمَا زَالَ يُكَرِّرُهَا حَتَّى تَمَنَّيْتُ أَنِّي لَمْ أَكُنْ أَسْلَمْتُ قَبْلَ ذَلِكَ الْيَوْمِ.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam telah menghantar kami ke Al-Huraqah. Pada waktu pagi kami telah menyerang mereka dan menewaskan mereka. Aku dan seorang Ansar mengekori salah seorang daripada penduduk Al-Huraqah. Apabila kami telah berjaya menawannya, dia berkata: Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah. Disebabkan hal itu, orang Ansar tadi menahan dirinya (daripada membunuh lelaki itu). Akan tetapi aku terus menikamnya dengan tombak lalu aku berjaya membunuhnya. Apabila kami pulang, apa yang berlaku telah sampai kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, baginda bertanya: Ya Usamah, adakah engkau membunuhnya selepas dia menyebut tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah? Aku menjawab: Dia (menyebutkan hal itu) sekadar untuk meminta perlindungan. Baginda berterusan mengulangi perkara itu sehingga aku berharap bahawa aku belum lagi memeluk Islam sebelum hari tersebut. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi, hadis no: 4269]

Selepas seseorang itu telah memeluk Islam, maka wajib untuk dia diajar mendirikan solat, kemudian membayar zakat dan seterusnya. Ini menunjukkan prioriti diberikan kepada dia memeluk Islam dahulu, kemudian membiasakan dirinya dengan solat dan kemudian baru kewajipan-kewajipan yang lain.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ . رضى الله عنهما . أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم بَعَثَ مُعَاذًا . رضى الله عنه . إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ " ادْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ، وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدِ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لِذَلِكَ فَأَعْلِمْهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ، تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam mengutus Muaz radiallahu ‘anhu ke Yaman. Baginda berkata: Serulah mereka kepada bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah dan aku adalah utusan Allah. Jika mereka sudah menerima hal itu, ajarkanlah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan mereka solat 5 waktu setiap pagi dan malam. Seandainya mereka sudah menerima hal itu, ajarkanlah kepada mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka zakat daripada harta mereka, harta itu akan diambil daripada mereka yang kaya dan dikembalikan kepada mereka yang miskin. [Sahih al-Bukhari, Kitab az-Zakat, hadis no: 1395]

Meninggalkan Hukum Islam Yang Lain

Ulama membahaskan, jika seseorang telah menjadi Muslim, adakah jika dia meninggalkan rukun Islam dengan sengaja, dia perlu dihukum bunuh? Dalil yang menunjukkan bahawa seseorang yang telah memeluk Islam, tetapi enggan mendirikan rukun-rukun Islam, perlu diperangi adalah berdasarkan ayat al-Quran berikut:

فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلۡأَشۡهُرُ ٱلۡحُرُمُ فَٱقۡتُلُواْ ٱلۡمُشۡرِكِينَ حَيۡثُ وَجَدتُّمُوهُمۡ وَخُذُوهُمۡ وَٱحۡصُرُوهُمۡ وَٱقۡعُدُواْ لَهُمۡ كُلَّ مَرۡصَدٖۚ فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّواْ سَبِيلَهُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٥

Apabila sudah habis bulan-bulan Haram itu, maka bunuhlah orang-orang musyrikin itu di mana saja kamu jumpai mereka, dan tangkaplah mereka. Kepunglah mereka dan intailah di tempat pengintaian. Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka untuk berjalan. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. [At-Taubah :5]

فَإِن تَابُواْ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخۡوَٰنُكُمۡ فِي ٱلدِّينِۗ وَنُفَصِّلُ ٱلۡأٓيَٰتِ لِقَوۡمٖ يَعۡلَمُونَ ﴿١١﴾

Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka [mereka itu] adalah saudara-saudaramu seagama. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi kaum yang mengetahui. [At-Taubah : 11]

عَنِ ابْنِ عِصَامٍ الْمُزَنِيِّ عَنْ أَبِيهِ وَكَانَتْ لَهُ صُحْبَةٌ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم إِذَا بَعَثَ جَيْشًا أَوْ سَرِيَّةً يَقُولُ لَهُمْ " إِذَا رَأَيْتُمْ مَسْجِدًا أَوْ سَمِعْتُمْ مُؤَذِّنًا فَلاَ تَقْتُلُوا أَحَدًا "

Ibn ‘Isom al-Muzaniy meriwayatkan daripada ayahnya yang merupakan seorang sahabat, beliau berkata: Apabila Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam mengutus pasukan tentera, baginda akan berkata kepada mereka: Apabila kalian melihat masjid atau mendengar seruan azan, janganlah kalian bunuh walau seorang pun. [Jami’ at-Tirmizi, Kitab al-Siyar, hadis no: 1549, hasan gharib]

Tindakan Abu Bakar radiallahu ‘anhu dalam riwayat di bawah jua menunjukkan mereka perlu diperangi.

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata:

لَمَّا تُوُفِّيَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم وَاسْتُخْلِفَ أَبُو بَكْرٍ، وَكَفَرَ مَنْ كَفَرَ مِنَ الْعَرَبِ، قَالَ عُمَرُ يَا أَبَا بَكْرٍ، كَيْفَ تُقَاتِلُ النَّاسَ، وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ. فَمَنْ قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ. عَصَمَ مِنِّي مَالَهُ وَنَفْسَهُ، إِلاَّ بِحَقِّهِ، وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ ". قَالَ أَبُو بَكْرٍ وَاللَّهِ لأُقَاتِلَنَّ مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ الصَّلاَةِ وَالزَّكَاةِ، فَإِنَّ الزَّكَاةَ حَقُّ الْمَالِ، وَاللَّهِ لَوْ مَنَعُونِي عَنَاقًا كَانُوا يُؤَدُّونَهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم لَقَاتَلْتُهُمْ عَلَى مَنْعِهَا. قَالَ عُمَرُ فَوَاللَّهِ مَا هُوَ إِلاَّ أَنْ رَأَيْتُ أَنْ قَدْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَ أَبِي بَكْرٍ لِلْقِتَالِ فَعَرَفْتُ أَنَّهُ الْحَقُّ.

Selepas meninggalnya Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam lalu Abu Bakar menggantikan beliau, maka sebahagian orang telah murtad. Umar berkata kepada Abu Bakar: Bagaimana mungkin engkau memerangi orang ramai, sedangkan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Aku disuruh memerangi manusia sehingga mereka berkata tiada tuhan selain Allah. Sesiapa yang menyebut tiada tuhan selain Allah, maka harta dan nyawanya terpelihara daripada ku kecuali dengan haknya. Dan urusan mereka itu milik Allah. Abu Bakar menjawab: Demi Allah, aku akan memerangi sesiapa sahaja yang membezakan antara solat dan zakat. Sesungguhnya zakat adalah hak harta. Demi Allah,

jika mereka menghalang aku (daripada mengambil zakat) walau sekadar anak haiwan yang mereka berikan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam nescaya aku akan perangi mereka kerana enggan (membayar zakat). Umar berkata: Demi Allah, aku melihat Allah telah melapangkan hati Abu Bakar untuk memerangi mereka, dan aku tahu bahawa dia benar. [Sahih al-Bukhari, Kitab Istitabah al-Murtaddin wa al-Muanidin wa Qitalihim, hadis no: 6924]

Akan tetapi semua ini menunjukkan apabila kewajipan-kewajipan itu ditinggakan secara beramai-ramai, tetapi bagaimana jika ia hanya dilakukan oleh individu perseorangan?

Meninggalkan Solat
Majoriti ulama menyatakan individu yang meninggalkan solat hendaklah dihukum. Hanya sahaja ulama berbeza pendapat adakah mereka perlu dijatuhkan hukuman bunuh, atau mereka dipenjarakan.

Meninggalkan zakat
Ulama berbeza pendapat adakah individu yang enggan membayar zakat perlu dibunuh. Pendapat yang masyhur daripada Imam Ahmad menyatakan dia perlu dibunuh, manakala Malik, al-Syafie dan salah satu riwayat Ahmad menyatakan tidak dibunuh.

Meninggalkan Puasa
Imam Malik dan salah satu riwayat Ahmad menyatakan mereka perlu dibunuh. Manakala Imam al-Syafie dan salah satu riwayat Ahmad menyatakan tidak perlu. Ini kerana tiada satu riwayat pun yang menyatakan tentang puasa dalam hal ini.

Meninggalkan Haji
Imam Ahmad mempunyai dua riwayat dalam bab ini sama ada perlu dibunuh atau tidak.

Apakah sebab-sebab lain yang membolehkan seorang Muslim itu dibunuh? Ia disebutkan dalam hadis yang ke 14.

Hadis 14- Tidak Boleh Membunuh Tanpa Hak

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " لاَ يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلاَّ بِإِحْدَى ثَلاَثٍ الثَّيِّبُ الزَّانِ وَالنَّفْسُ بِالنَّفْسِ وَالتَّارِكُ لِدِينِهِ الْمُفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidak halal darah seorang Muslim yang bersaksi tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, dan aku adalah utusan Allah melainkan dengan salah satu daripada tiga sebab ini: Penzina yang sudah berkahwin, hukum balas kepada pembunuh, dan orang yang murtad lalu berpisah daripada jemaah umat Islam. [Sahih al-Bukhari, Kitab ad-Diyat, hadis no: 6878 dan Sahih Muslim, Kitab al-Qisamah wa al-Muharibin wa al-Qisas wa ad-Diyat, hadis no: 1676]

Huraian:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، أَنَّ عُثْمَانَ، قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " لاَ يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلاَّ بِإِحْدَى ثَلاَثٍ رَجُلٌ زَنَى بَعْدَ إِحْصَانِهِ فَعَلَيْهِ الرَّجْمُ أَوْ قَتَلَ عَمْدًا فَعَلَيْهِ الْقَوَدُ أَوِ ارْتَدَّ بَعْدَ إِسْلاَمِهِ فَعَلَيْهِ الْقَتْلُ

Ibn ‘Umar meriwayatkan bahawa Uthman radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak halal darah seorang Muslim kecuali kerana salah satu daripada tiga perkara ini: Seorang yang berzina selepas sudah berkahwin, hendaklah dia direjam, atau seseorang yang membunuh dengan sengaja, hendaklah dia dibalas bunuh, atau seseorang yang murtad selepas menjadi Muslim, hendaklah dia dibunuh. [Sunan an-Nasaie, Kitab Tahrim ad-Dam, hadis no: 4057, Shaikh al-Albani mensahihkannya dalam Sahih an-Nasaie]

Terdapat tiga sebab yang dinyatakan dalam hadis di atas yang menunjukkan bahawa orang Islam tersebut berhak untuk dijatuhkan hukuman mati.

1- Penzina yang sudah berkahwin
2- Pembunuh
3- Murtad

Al-Imam Ibn Rajab menyatakan bahawa ulama telah sepakat bahawa ketiga-tiga jenayah ini layak dihukum bunuh.

Merejam Penzina Yang Sudah Berkahwin

Ulama telah sepakat bahawa penzina yang sudah berkahwin perlu direjam sehingga mati. Ini berdasarkan kisah Ma’iz, perempuan Al-Ghamidiyyah dan wanita Juhainah dalam riwayat di bawah:

Abdullah bin Buraidah meriwayatkan daripada ayahnya:

أَنَّ مَاعِزَ بْنَ مَالِكٍ الأَسْلَمِيَّ، أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ ظَلَمْتُ نَفْسِي وَزَنَيْتُ وَإِنِّي أُرِيدُ أَنْ تُطَهِّرَنِي . فَرَدَّهُ

Ma’iz bin Malik al-Aslami telah datang kepada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam lalu berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya aku telah menzalimi diri ku. Aku telah berzina, dan aku mahu engkau mensucikan aku. Akan tetapi Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam menolak permintaannya.

فَلَمَّا كَانَ مِنَ الْغَدِ أَتَاهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ زَنَيْتُ . فَرَدَّهُ الثَّانِيَةَ فَأَرْسَلَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ " أَتَعْلَمُونَ بِعَقْلِهِ بَأْسًا تُنْكِرُونَ مِنْهُ شَيْئًا " .

Pada keesokan harinya, dia datang kepada baginda lalu berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya aku telah berzina. Baginda menolaknya buat kali yang kedua. Baginda menghantarnya pulang kepada kaumnya lalu bertanya kepada kaumnya: Adakah kalian tahu jika dia mempunyai apa-apa masalah pada akalnya yang mana kalian akan menolak apa sahaja kata-katanya?

فَقَالُوا مَا نَعْلَمُهُ إِلاَّ وَفِيَّ الْعَقْلِ مِنْ صَالِحِينَا فِيمَا نُرَى فَأَتَاهُ الثَّالِثَةَ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِمْ أَيْضًا فَسَأَلَ عَنْهُ فَأَخْبَرُوهُ أَنَّهُ لاَ بَأْسَ بِهِ وَلاَ بِعَقْلِهِ

Penduduk kaum itu menjawab: Kami tidak tahu apa-apa masalah pada akalnya. Apa yang kami lihat, beliau adalah orang yang soleh. Lelaki itu datang lagi buat kali yang ketiga. Baginda menghantarnya kepada kaumnya lagi, dan bertanya tentang lelaki itu. Mereka menyatakan bahawa dia tidak ada apa-apa masalah pada akalnya.

فَلَمَّا كَانَ الرَّابِعَةَ حَفَرَ لَهُ حُفْرَةً ثُمَّ أَمَرَ بِهِ فَرُجِمَ .

Apabila dia datang untuk kali yang keempat. Digali untuknya satu lubang kemudian baginda mengarahkan hukuman rejam dilakukan.

قَالَ فَجَاءَتِ الْغَامِدِيَّةُ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ زَنَيْتُ فَطَهِّرْنِي . وَإِنَّهُ رَدَّهَا فَلَمَّا كَانَ الْغَدُ قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ لِمَ تَرُدُّنِي لَعَلَّكَ أَنْ تَرُدَّنِي كَمَا رَدَدْتَ مَاعِزًا فَوَاللَّهِ إِنِّي لَحُبْلَى .

Buraidah berkata: Datang pula seorang wanita Al-Ghamidiyyah, wanita itu berkata: Ya Rasulullah. Sesungguhnya aku telah berzina, sucikanlah aku. Baginda menolak permintaannya. Pada keesokan harinya, wanita itu berkata: Ya Rasulullah, kenapa engkau menolak permintaan ku. Boleh jadi engkau menolak ku sebagaimana engkau menolak permintaan Ma'iz. Demi Allah, sesungguhnya aku telah mengandung.

قَالَ " إِمَّا لاَ فَاذْهَبِي حَتَّى تَلِدِي " . فَلَمَّا وَلَدَتْ أَتَتْهُ بِالصَّبِيِّ فِي خِرْقَةٍ قَالَتْ هَذَا قَدْ وَلَدْتُهُ . قَالَ " اذْهَبِي فَأَرْضِعِيهِ حَتَّى تَفْطِمِيهِ " .

Baginda menjawab: Tidak, pergilah sehingga engkau telah melahirkan anak. Apabila wanita itu telah melahirkan anak, dia datang kepada baginda dengan anaknya yang dibaluti kain. Wanita itu berkata: Aku telah melahirkannya. Baginda berkata: Pergilah, susukanlah dia sehingga dia berhenti daripada menyusu.

فَلَمَّا فَطَمَتْهُ أَتَتْهُ بِالصَّبِيِّ فِي يَدِهِ كِسْرَةُ خُبْزٍ فَقَالَتْ هَذَا يَا نَبِيَّ اللَّهِ قَدْ فَطَمْتُهُ وَقَدْ أَكَلَ الطَّعَامَ . فَدَفَعَ الصَّبِيَّ إِلَى رَجُلٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَحُفِرَ لَهَا إِلَى صَدْرِهَا وَأَمَرَ النَّاسَ فَرَجَمُوهَا

Apabila dia tamat menyusukan anaknya, dia datang kepada baginda dengan membawa anaknya. Di tangan anaknya terdapat roti, lalu wanita itu berkata: Ini dia wahai nabi Allah, aku telah tamat menyusukannya, dan dia telah memakan makanan. Baginda pun memberikan bayi itu kepada kaum Muslimin, kemudian menyuruh agar wanita itu direjam. Digali satu lubang separas dada, dan bagina menyuruh orang ramai merejamnya.

فَيُقْبِلُ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ بِحَجَرٍ فَرَمَى رَأْسَهَا فَتَنَضَّحَ الدَّمُ عَلَى وَجْهِ خَالِدٍ فَسَبَّهَا فَسَمِعَ نَبِيُّ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم سَبَّهُ إِيَّاهَا فَقَالَ " مَهْلاً يَا خَالِدُ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ تَابَتْ تَوْبَةً لَوْ تَابَهَا صَاحِبُ مَكْسٍ لَغُفِرَ لَهُ " . ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَصَلَّى عَلَيْهَا وَدُفِنَتْ

Khalid bin al-Walid mengambil batu lalu merejam ke kepala wanita itu, lalu darah wanita itu memercik ke wajah Khalid. Lalu Khalid mencacinya, dan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam mendengar cacian tersebut, baginda puna berkata: Berlembut wahai Khalid. Demi Tuhan yang diri ku di TanganNya, sesungguhnya wanita ini telah bertaubat yang jika seorang pengutip cukai yang zalim bertaubat dengannya, maka dia akan diampuni. Kemudian baginda memberikan arahan, mensolatkan wanita itu dan mengebumikannya. [Sahih Muslim, Kitab al-Hudud, hadis no: 4206]

Kisah wanita Juhainah:

عَنْ عِمْرَانَ، بْنِ حُصَيْنٍ أَنَّ امْرَأَةً، مِنْ جُهَيْنَةَ أَتَتْ نَبِيَّ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَهِيَ حُبْلَى مِنَ الزِّنَى فَقَالَتْ يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَصَبْتُ حَدًّا فَأَقِمْهُ عَلَىَّ فَدَعَا نَبِيُّ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَلِيَّهَا فَقَالَ " أَحْسِنْ إِلَيْهَا فَإِذَا وَضَعَتْ فَائْتِنِي بِهَا " . فَفَعَلَ فَأَمَرَ بِهَا نَبِيُّ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَشُكَّتْ عَلَيْهَا ثِيَابُهَا ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَرُجِمَتْ ثُمَّ صَلَّى عَلَيْهَا فَقَالَ لَهُ عُمَرُ تُصَلِّي عَلَيْهَا يَا نَبِيَّ اللَّهِ وَقَدْ زَنَتْ فَقَالَ " لَقَدْ تَابَتْ تَوْبَةً لَوْ قُسِمَتْ بَيْنَ سَبْعِينَ مِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ لَوَسِعَتْهُمْ وَهَلْ وَجَدْتَ تَوْبَةً أَفْضَلَ مِنْ أَنْ جَادَتْ بِنَفْسِهَا لِلَّهِ تَعَالَى " .

Imran bin Husain meriwayatkan bahawa seorang wanita dari Juhainah datang kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dalam keadaan mengandung disebabkan zina. Wanita itu berkata: Ya Nabi Allah, sesungguhnya aku telah melakukan sesuatu yang melayakkan dihukum hudud. Dirikanlah hukum itu ke atas ku. Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam memanggil walinya dan berkata: Layanilah wanita ini dengan baik, apabila dia telah melahirkan anak, bawakan dia kepada ku. Lalu walinya melakukannya hal itu. Kemudian Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam mengeluarkan arahan, pakaian wanita itu diketatkan, kemudian baginda mengarahkan agar dia direjam. Lalu beliau direjam. Kemudian baginda mensolatkan wanita itu. Umar berkata: Adakah engkau mensolatkannya wahai Nabi Allah, sesungguhnya dia telah berzina! Baginda menjawab: Sesungguhnya dia telah bertaubat dengan taubat yang jika dibahagikan kepada tujuh puluh orang penduduk Madinah, maka ia cukup untuk mereka. Adakah engkau pernah

menemui taubat yang lebih afdhal daripada wanita ini yang mengorbankan dirinya kerana Allah? [Sahih Muslim, Kitab al-Hudud, hadis no: 4207]

Sesungguhnya hukum rejam kepada penzina telah wujud dalam al-Quran tetapi telah dinasakhkan bacaannya, akan tetapi hukumannya dikekalkan.

Umar al-Khattab radiallahu 'anhu, ketika menjadi khalifah beliau pernah berkhutbah lalu menyatakan:

أَمَّا بَعْدُ فَإِنِّي قَائِلٌ لَكُمْ مَقَالَةً قَدْ قُدِّرَ لِي أَنْ أَقُولَهَا، لاَ أَدْرِي لَعَلَّهَا بَيْنَ يَدَىْ أَجَلِي، فَمَنْ عَقَلَهَا وَوَعَاهَا فَلْيُحَدِّثْ بِهَا حَيْثُ انْتَهَتْ بِهِ رَاحِلَتُهُ، وَمَنْ خَشِيَ أَنْ لاَ يَعْقِلَهَا فَلاَ أُحِلُّ لأَحَدٍ أَنْ يَكْذِبَ عَلَىَّ،

Sesungguhnya aku mahu menyampaikan kepada kalian mesej yang telah ditakdirkan kepada ku untuk menyatakannya. Aku tidak tahu, boleh jadi ia menjadi isyarat kepada kematian ku. Sesiapa yang memahaminya dan menghafaznya, hendaklah dia menyampaikan ia di mana sahaja haiwan tunggangannya berhenti. Sesiapa yang takut dia tidak menghafaznya, maka tidak halal untuk seseorang berdusta menggunakan nama ku.

إِنَّ اللَّهَ بَعَثَ مُحَمَّدًا صلى الله عليه وسلم بِالْحَقِّ وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ الْكِتَابَ فَكَانَ مِمَّا أَنْزَلَ اللَّهُ آيَةُ الرَّجْمِ، فَقَرَأْنَاهَا وَعَقَلْنَاهَا وَوَعَيْنَاهَا، رَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ، فَأَخْشَى إِنْ طَالَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ وَاللَّهِ مَا نَجِدُ آيَةَ الرَّجْمِ فِي كِتَابِ اللَّهِ، فَيَضِلُّوا بِتَرْكِ فَرِيضَةٍ أَنْزَلَهَا اللَّهُ، وَالرَّجْمُ فِي كِتَابِ اللَّهِ حَقٌّ عَلَى مَنْ زَنَى إِذَا أُحْصِنَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ، إِذَا قَامَتِ الْبَيِّنَةُ أَوْ كَانَ الْحَبَلُ أَوْ الاِعْتِرَافُ،

Sesungguhnya Allah telah mengutus Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam dengan kebenaran, dan menurunkan kepadanya Al-Kitab. Antara yang telah Allah turunkan ialah ayat rejam. Kami pernah membacanya, kami memahami dan menghafaznya. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah merejam, dan kami selepas itu pun pernah merejam. Aku takut selepas tempoh masa yang lama, manusia akan berkata: Demi Allah, kami tidak menemui ayat rejam dalam kitab Allah. Mereka akan sesat kerana meninggalkan kewajipan yang Allah turunkan. Rejam yang ada dalam kitab Allah adalah untuk penzina yang sudah berkahwin, daripada lelaki dan perempuan. Ia dilakukan apabila telah jelas bukti, atau mengandung atau pengakuan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Hudud, hadis no: 6830]

Balas Bunuh

Apabila seseorang membunuh orang lain dengan sengaja tanpa sebab yang dibenarkan, maka dia akan dibalas dengan hukuman bunuh jua.

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya [At Taurat] bahwasanya jiwa [dibalas] dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka [pun] ada qisasnya. Barangsiapa yang melepaskan [hak qisas]nya, maka melepaskan hak itu [menjadi] penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim. [Al-Maidah : 45]

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِصَاصُ فِى ٱلْقَتْلَى ۖ ٱلْحُرُّ بِٱلْحُرِّ وَٱلْعَبْدُ بِٱلْعَبْدِ وَٱلْأُنثَىٰ بِٱلْأُنثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِىَ لَهُۥ مِنْ أَخِيهِ شَىْءٌ فَٱتِّبَاعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ وَأَدَآءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَٰنٍ ۗ ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۗ فَمَنِ ٱعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُۥ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٨﴾

Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang mendapat kemaafan daripada saudaranya, hendaklah [yang memaafkan] mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah [yang diberi maaf] membayar [diat] kepada yang memberi maaf dengan cara yang baik. Yang demikian itu adalah suatu keringanan daripada Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barangsiapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya seksa yang sangat pedih. [Al-Baqarah : 178]

Akan tetapi terdapat perbahasan dalam bab ini untuk beberapa kes:

Ayah membunuh anak

Terdapat sebuah riwayat yang dipertikaikan kesahihannya:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ، قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " لاَ يُقَادُ الْوَالِدُ بِالْوَلَدِ " .

Daripada ‘Umar al-Khattab, aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Seorang bapa tidak dihukum balas kerana (membunuh) anaknya. [Jami’ at-Tirmizi, Kitab ad-Diyat, hadis no: 1400]

- Majoriti ulama menggunakan riwayat di atas untuk menyatakan si ayah tidak dihukum bunuh kerana membunuh anaknya.

- Imam Malik pula berpendapat jika jelas pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja seperti dengan menyembelih dan sebagainya, maka si ayah tetap dibunuh.

- Ulama lain pula menyatakan si ayah dibunuh sebagaimana kes pembunuhan lain berdasarkan keumuman dalil al-Quran.

Muslim membunuh kafir
Jika yang dibunuh ialah kafir harbi, maka Muslim tersebut tidak akan dihukum bunuh menurut kesepakatan ulama.

Jika yang dibunuh ialah kafir Dzimmi atau Mu'ahhad, menurut majoriti ulama, dia juga tidak akan dihukum bunuh. Ini berdasarkan dalil berikut:

لاَ يُقْتَلُ مُسْلِمٌ بِكَافِرٍ

Tidaklah seorang Muslim dibunuh kerana (membunuh) seorang kafir. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilm, hadis no: 111]

Akan tetapi Imam Abu Hanifah berpendapat dia tetap dibunuh. Ini berdasarkan riwayat mursal yang dhaif berikut:

حَدَّثَنِي رَبِيعَةُ ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْبَيْلَمَانِيِّ حَدَّثَهُ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُتِيَ بِرَجُلٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ قَتَلَ مُعَاهَدًا مِنْ أَهْلِ الذِّمَّةِ ، فَقَدَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُسْلِمَ فَضَرَبَ عُنُقَهُ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَنَا أَوْلَى مَنْ وَفَى بِذِمَّتِهِ"

Rabi'ah meriwayatkan daripada Abdul Rahman al-Bailamani bahawa seorang lelaki daripada kaum Muslimin yang telah membunuh seorang kafir mua'had daripada ahli adz-Dzimmah telah dibawa kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pergi kepada lelaki itu dan memenggal lehernya. Baginda bersabda: Aku yang paling berhak menepati janji kepada lelami Dzimmi ini. [Marasil Abi Daud, no: 222]

Membunuh orang murtad
Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ

Sesiapa yang menukar agamanya, bunuhlah dia. [Sahih al-Bukhari, Istitabatu al-Murtaddin wa al-Mu'anidin wa Qitalihim, hadis no: 6922]

Majoriti ulama menyatakan tiada beza antara lelaki yang murtad dan wanita yang murtad. Imam Abu Hanifah pula menyatakan wanita yang murtad tidak dibunuh sebagaimana wanita kafir tidak dibunuh di dalam peperangan.

Apabila orang yang murtad itu sudah kembali memeluk Islam, maka dia tidak akan lagi dibunuh.

Hukuman Bunuh Yang Lain

Liwat

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ " .

Daripada Ibn ‘Abbas, Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang kalian dapati melakukan amalan kaum Luth, bunuhlah yang meliwat dan yang diliwat. [Jami’ at-Tirmizi, Kitab al-Hudud, hadis no: 1456. Kebanyakan ulama hadis menyatakan hadis ini lemah]

Imam at-Tirmizi menyatakan:

وَاخْتَلَفَ أَهْلُ الْعِلْمِ فِي حَدِّ اللُّوطِيِّ فَرَأَى بَعْضُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِ الرَّجْمَ أَحْصَنَ أَوْ لَمْ يُحْصِنْ وَهَذَا قَوْلُ مَالِكٍ وَالشَّافِعِيِّ وَأَحْمَدَ وَإِسْحَاقَ .

Ulama berbeza pendapat tentang hukum ke atas pelaku liwat. Sebahagian mereka berpendapat dia hendaklah dihukum rejam, tidak kira sama ada dia telah berkahwin atau belum berkahwin. Ini merupakan pendapat Malik, al-Syafie, Ahmad dan Ishaq.

وَقَالَ بَعْضُ أَهْلِ الْعِلْمِ مِنْ فُقَهَاءِ التَّابِعِينَ مِنْهُمُ الْحَسَنُ الْبَصْرِيُّ وَإِبْرَاهِيمُ النَّخَعِيُّ وَعَطَاءُ بْنُ أَبِي رَبَاحٍ وَغَيْرُهُمْ قَالُوا حَدُّ اللُّوطِيِّ حَدُّ الزَّانِي وَهُوَ قَوْلُ الثَّوْرِيِّ وَأَهْلِ الْكُوفَةِ .

Sebahagian ulama daripada tabi’in seperti Al-Hasan Al-Basri, Ibrahim an-Nakhaie, ‘Atho’ bin Abi Rabah, dan selain mereka berpendapat bahawa hukum liwat sama seperti hukuman zina. Ini juga pendapat At-Tsauri dan ulama Kufah.

Sumbang Mahram (Berzina dengan mahram)

عَنِ الْبَرَاءِ، قَالَ مَرَّ بِي خَالِي أَبُو بُرْدَةَ بْنُ نِيَارٍ وَمَعَهُ لِوَاءٌ فَقُلْتُ أَيْنَ تُرِيدُ قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم إِلَى رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةَ أَبِيهِ أَنْ آتِيَهُ بِرَأْسِهِ .

Al-Bara bin ‘Azib radiallahu ‘anhu berkata: Pakcik ku, Abu Burdah bin Niyar, lalu berhampiran ku sambil membawa bendera. Aku bertanya: Ke mana engkau mahu pergi? Beliau menjawab: Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam menghantar aku kepada seorang

lelaki yang mengahwini isteri ayahnya dan aku perlu membawa kepalanya kepada baginda. [Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Ahkam, hadis no: 1385, hasan sahih]

Sebahagian ulama menggunakan hadis ini untuk membunuh pelakunya secara mutlak, tidak kira dia sudah berkahwin atau tidak.

Tukang Sihir

Dalam sebuah riwayat Mauquf, Jundud radiallahu 'anhu berkata:

حَدُّ السَّاحِرِ ضَرْبَةٌ بِالسَّيْفِ

Hukuman ke atas ahli sihir ialah dipenggal dengan pedang. [Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Hudud, hadis no: 1460]

Ini merupakan pendapat Umar bin Abdul Aziz, Malik, Ahmad dan Ishaq. Ini kerana ahli sihir telah kufur, dan hukumannya sama seperti murtad.

Menyetubuhi haiwan

Dalam sebuah riwayat dhaif disebutkan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " مَنْ وَقَعَ عَلَى ذَاتِ مَحْرَمٍ فَاقْتُلُوهُ وَمَنْ وَقَعَ عَلَى بَهِيمَةٍ فَاقْتُلُوهُ وَاقْتُلُوا الْبَهِيمَةَ

Daripada Ibn 'Abbas radiallahu 'anhuma, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang berzina dengan mahramnya, bunuhlah dia. Sesiapa yang menyetubuhi haiwan, bunuhlah dia, dan bunuhlah haiwan itu. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Hudud, hadis no: 2564]

Minum arak kali yang keempat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِذَا سَكِرَ فَاجْلِدُوهُ فَإِنْ عَادَ فَاجْلِدُوهُ فَإِنْ عَادَ فَاجْلِدُوهُ " . ثُمَّ قَالَ فِي الرَّابِعَةِ " فَإِنْ عَادَ فَاضْرِبُوا عُنُقَهُ " .

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Apabila seseorang mabuk (kerana minum arak), sebatlah dia. Jika dia mengulanginya, sebatlah dia. Jika dia mengulanginya, sebatlah dia. Kemudian baginda berkata pada kali yang keempat: Jika dia mengulanginya, pancunglah lehernya. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Hudud, hadis no: 2669]

Kebanyakan ulama menyatakan bahawa hukuman bunuh kepada peminum arak kali yang keempat telah dimansukhkan. Ini merujuk kepada beberapa riwayat, antaranya:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ، أَنَّ رَجُلاً، عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم كَانَ اسْمُهُ عَبْدَ اللَّهِ، وَكَانَ يُلَقَّبُ حِمَارًا، وَكَانَ يُضْحِكُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم، وَكَانَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم قَدْ جَلَدَهُ فِي الشَّرَابِ، فَأُتِيَ بِهِ يَوْمًا فَأَمَرَ بِهِ فَجُلِدَ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ اللَّهُمَّ الْعَنْهُ مَا أَكْثَرَ مَا يُؤْتَى بِهِ. فَقَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم " لاَ تَلْعَنُوهُ، فَوَاللَّهِ مَا عَلِمْتُ أَنَّهُ يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

Daripada Umar al-Khattab, seorang lelaki di zaman Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam yang bernama Abdullah, beliau juga dipanggil Keldai. Beliau sering membuatkan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam ketawa. Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam menyebatnya kerana meminum arak. Pada satu hari, beliau di bawa kepada Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam dan baginda menyuruh agar dia disebat, lalu dia disebat. Salah seorang sahabat berkata: Ya Allah, laknati dia. Sudah banyak kali dia ini dihukum. Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam berkata: Janganlah kau laknati dia. Demi Allah, aku tahu dia mencintai Allah dan rasulNya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Hudud, hadis no: 6780]

Dalam sebuah riwayat dhaif disebutkan:

فَأُتِيَ بِرَجُلٍ قَدْ شَرِبَ فَجَلَدَهُ ثُمَّ أُتِيَ بِهِ فَجَلَدَهُ ثُمَّ أُتِيَ بِهِ فَجَلَدَهُ ثُمَّ أُتِيَ بِهِ فَجَلَدَهُ وَرَفَعَ الْقَتْلَ فَكَانَتْ رُخْصَةً .

Seorang lelaki yang minum arak telah dibawa lalu baginda menyebatnya, kemudian dia dibawa lagi, baginda menyebatnya, kemudian dia dibawa lagi, baginda menyebatnya, kemudian dia dibawa lagi, baginda menyebatnya. Hukuman bunuh telah diangkat, ia merupakan satu keringanan. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Hudud, hadis no: 4485]

Mempertahankan hak

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو . رضى الله عنهما . قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ

‘Abdullh bin ‘Amru radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang terbunuh kerana mempertahankan hartanya, maka dia syahid. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Mazolim, hadis no: 2480]

Ulama berbeza pendapat. Seandainya ada penceroboh yang mengancam keselamatan kita, atau cuba merampas harta benda kita, bolehkah kita mempertahankan hak kita dengan membunuh penjenayah itu, atau kita perlu memilih cara lain dahulu sebelum membunuh.

Imam al-Syafie dan Imam Ahmad berpendapat dia hendaklah memilih jalan yang lebih mudah selain daripada membunuh.

Ulama lain pula seperti Al-Hasan Al-Basri berpendapat kita berhak membunuh sejak awak lagi untuk mempertahankan hak kita walaupun penjenayah itu belum sempat mengambil atau merampas hak kita. Ini juga pendapat Abu Ayyub as-Sakhtiyani.

عَنْ سَالِمٍ ، قَالَ : أَخَذَ ابْنُ عُمَرَ لِصًّا فِي دَارِهِ : " فَأَصْلَتْ عَلَيْهِ بِالسَّيْفِ ، فَلَوْلَا أَنَّا نَهَيْنَاهُ عَنْهُ لَضَرَبَهُ بِهِ. "

Salim berkata: Ibn Umar menangkap pencuri di rumahnya. Beliau pun menyerang orang itu dengan pedangnya. Jikalau tidak kami menghalang beliau, pasti Ibn Umar sudah membunuh orang tersebut. [Musannaf Abdul Razzaq, Kitab al-'Uqul, no: 18557]

عَنِ سِيرِينَ ، عَنْ عُبَيْدَةَ ، قَالَ : قُلْتُ لَهُ : أَرَأَيْتَ إِنْ دَخَلَ عَلَيَّ رَجُلٌ بَيْتِيَ قَالَ : " إِنَّ الَّذِي يَدْخُلُ بَيْتَكَ لَا يَحِلُّ لَكَ مِنْهُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ ، وَلَكِنَّهُ يَحِلُّ لَكَ نَفْسُهُ

Daripada Ibn Sirin, Ubaidah berkata: Aku bertanya kepadanya: Apa pandangan engkau jika seseorang menceroboh masuk ke rumah ku. Beliau menjawab: Sesungguhnya orang yang memasuki rumah mu itu, tidak halal untuk daripadanya apa yang Allah haramkan. Akan tetapi halal untuk engkau dirinya (iaitu membunuhnya) [Musannaf Abdul Razzaq, Kitab al-Uqul, no: 18558]

Dalam sebuah riwayat yang dhaif disebutkan:

: الدَّارُ حَرَمٌ ، فَمَنْ دَخَلَ عَلَيْكَ حَرَمَكَ فَاقْتُلْهُ.

Rumah adakah tempat kehormatan. Sesiapa menceroboh kehormatan kalian, bunuhlah dia. [Musnad Ahmad, Hadis 'Ubadah bin al-Somith, no: 22824, Shaikh al-Arnouth berkata: Isnadnya dhaif]

Perisik orang kafir

Ulama berbeza pendapat adakah perisik Muslim yang bekerja untuk orang kafir perlu dibunuh.

Imam Ahmad tidak memberi keputusan dalam bab ini. Sebahagian ulama mazhab Ahmad, dan Maliki mengharuskan agar mereka dibunuh.

Terdapat kisah di zaman Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam di mana seorang sahabat Hatib bin Abi Baltaah radiallahu 'anhu telah membocorkan strategi umat Islam kepada Musyrikin Mekah:

فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " يَا حَاطِبُ، مَا هَذَا ". قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، لاَ تَعْجَلْ عَلَىَّ، إِنِّي كُنْتُ امْرَأً مُلْصَقًا فِي قُرَيْشٍ، وَلَمْ أَكُنْ مِنْ أَنْفُسِهَا، وَكَانَ مَنْ مَعَكَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ لَهُمْ قَرَابَاتٌ بِمَكَّةَ، يَحْمُونَ بِهَا أَهْلِيهِمْ وَأَمْوَالَهُمْ، فَأَحْبَبْتُ إِذْ فَاتَنِي ذَلِكَ مِنَ النَّسَبِ فِيهِمْ أَنْ أَتَّخِذَ عِنْدَهُمْ يَدًا يَحْمُونَ بِهَا قَرَابَتِي، وَمَا فَعَلْتُ كُفْرًا وَلاَ

ارْتِدَادًا وَلاَ رِضًا بِالْكُفْرِ بَعْدَ الإِسْلاَمِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " لَقَدْ صَدَقَكُمْ ". قَالَ عُمَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ دَعْنِي أَضْرِبْ عُنُقَ هَذَا الْمُنَافِقِ. قَالَ " إِنَّهُ قَدْ شَهِدَ بَدْرًا، وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَكُونَ قَدِ اطَّلَعَ عَلَى أَهْلِ بَدْرٍ فَقَالَ اعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ، فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ ".

Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya kepada beliau: Ya Hathib, apa ini? Hathib menjawab: Ya Rasulullah. Jangan engkau tergesa-gesa (menghukum) ku. Sesungguhnya aku merupakan orang yang rapat dengan bangsa Quraisy, tetapi aku bukan sebahagian daripada mereka. Sahabat-sahabat yang bersama mu daripada kalangan Muhajirin pula, mereka ini mempunyai kerabat di Mekah. Kerabat mereka ini akan melindungi harta dan ahli keluarga mereka. Aku berharap dengan melakukan hal ini ia dapat membaiki kedudukan aku yang tiada pertalian nasab dengan mereka, lalu mereka akan melindungi keluarga ku. Aku melakukan hal ini bukan sebab aku kufur atau murtad, tidak jua aku redha dengan kekufuran selepas aku menjadi Islam. Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam pun berkata: Engkau benar. Umar berkata: Ya Rasulullah, biarkan aku memenggal tengkuk munafiq ini. Baginda menjawab: Sesungguhnya dia menyertai peperangan Badar. Siapa tahu, boleh jadi Allah telah melihat kepada ahli Badar lalu berfirman: Lakukan apa yang kalian mahukan, sesungguhnya Aku telah mengampuni kalian. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad, hadis no: 3007]

Ulama yang menyatakan bahawa perisik perlu dibunuh menyatakan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam dalam kisah di atas mengingkari permintaan Umar kerana Hathib seorang ahli Badar dan dia telah diampuni Allah. Maka selain daripada kes di atas, perisik perlu dibunuh menurut mereka.

Hadis 35- Muslim Adalah Bersaudara

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " لاَ تَحَاسَدُوا وَلاَ تَنَاجَشُوا وَلاَ تَبَاغَضُوا وَلاَ تَدَابَرُوا وَلاَ يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا . الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يَحْقِرُهُ . التَّقْوَى هَا هُنَا " . وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ " بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Janganlah kalian saling mendengki, janganlah kalian melakukan urusniaga an-Najasyah, janganlah kalian saling membenci, janganlah kalian saling memboikot, janganlah sebahagian daripada kalian membeli di atas belian saudara yang lain. Jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara. Muslim adalah saudara Muslim yang lain. Dia tidak menzalimi saudaranya, tidak membiarkannya, dan tidak merendahkannya. Taqwa itu di sini, dan baginda mengisyaratkan ke dadanya sebanyak tiga kali. Merupakan satu keburukan untuk seorang Muslim merendahkan saudaranya. Setiap Muslim adalah

diharamkan daripada darah, harta dan maruah saudaranya. [Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, hadis no: 2564]

Huraian Hadis

Terdapat riwayat-riwayat lain yang sedikit berbeza lafaznya.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لاَ يَخُونُهُ وَلاَ يَكْذِبُهُ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Muslim adalah saudara Muslim yang lain. Dia tidak mengkhianatinya, tidak menipunya, dan tidak mengabaikannya. [Jami’ at-Tirmizi, Kitab al-Birr wa al-Silah, hadis no: 1927, hasan gharib]

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لاَ يَظْلِمُهُ، وَلاَ يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ، كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ

Muslim adalah saudara Muslim yang lain. Dia tidak menzaliminya, dan tidak menyerahkannya (untuk dizalimi). Sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya, Allah akan memenuhi hajatnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ikrah, hadis no: 6951]

Larangan Dengki

Apakah itu dengki?

وهو أنَّ الإنسان يكرهُ أن يفوقَهُ أحدٌ منْ جنسهِ في شيءٍ من الفضائل.

(Dengki ialah) seseorang itu tidak suka orang lain melebihinya dalam sesuatu perkara.[1]

Ibn Rajab al-Hanbali menyatakan bahawa kerana sifat hasad inilah iblis menggoda Nabi Adam dan Hawa sehingga mereka terkeluar daripada syurga. Ini kerana dia dengki kerana dia tidak dapat masuk ke dalam syurga kerana enggan sujud kepada Adam, lalu dia mahukan agar Adam dan seluruh manusia juga tidak masuk ke dalam syurga.

Dalam sebuah riwayat yang dhaif disebutkan:

إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ

Berhati-hatilah kalian daripada sikap dengki. Sesungguhnya dengki itu akan memakan kebaikan sebagaimana api memakan kayu. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Adab, hadis no: 4903, Shaikh al-Albani menyatakan ia hadis dhaif]

[1] Jami’ al-‘Ulum wa al-Hikam, huraian hadis no: 35

Jenis-jenis manusia yang dengki

Pertama: Terdapat manusia yang dengki, lalu dia berusaha agar nikmat tersebut hilang daripada saudaranya dan agar dia memilikinya. Ini merupakan sifat dengki yang sangat dicela.

Kedua: Yang paling tercela lagi ialah sebagaimana yang dilakukan iblis. Iaitu dia tahu bahawa dia tidak akan dapat memiliki nikmat itu, jadi dia mahu saudaranya turut sama seperti dia tidak akan mendapat nikmat tersebut.

Ketiga: Akan tetapi jika perasaan dengki itu sekadar lintasan di hati, dan orang tersebut tidak berusaha untuk menghilangkan nikmat saudaranya, maka dia tidak berdosa.

Keempat: Ini bukanlah dengki pada hakikatnya. Ia merupakan perasaan cemburu, lalu mendorong orang tersebut berusaha agar dapat memiliki yang sama seperti saudaranya. Jika ia dalam bab keduniaan, ia bukanlah perkara yang dicela, dan tidak juga digalakkan. Akan tetapi jika ia dalam bab akhirat, maka ia satu perkara yang digalakkan.

Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma meriwayatkan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لاَ حَسَدَ إِلاَّ فِي اثْنَتَيْنِ رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ فَهُوَ يَقُومُ بِهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَآنَاءَ النَّهَارِ وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالاً فَهُوَ يُنْفِقُهُ آنَاءَ اللَّيْلِ وَآنَاءَ النَّهَارِ

Tidak boleh dengki kecuali dalam dua perkara: Seseorang yang Allah telah berikan (ilmu mengenai) Al-Quran kepadanya, lalu dia mendirikannya (iaitu membacanya dan mengamalkannya) pada siang dan malam, dan seseorang yang Allah kurniakannya harta, lalu dia membelanjakannya pada waktu siang dan malam. [Sahih Muslim, Kitab al-Solat, hadis no: 1777]

Hal ini pada hakikatnya bukanlah dengki, sebaliknya ia dipanggil Al-Ghibthoh (الغبطة).

Imam an-Nawawi menghuraikan dalam Syarah Sahih Muslim:

قال العلماء : الحسد قسمان : حقيقي ومجازي ، فالحقيقي : تمني زوال النعمة عن صاحبها ، وهذا حرام بإجماع الأمة مع النصوص الصحيحة . وأما المجازي فهو الغبطة وهو أن يتمنى مثل النعمة التي على غيره من غير زوالها عن صاحبها ، فإن كانت من أمور الدنيا كانت مباحة ، وإن كانت طاعة فهي مستحبة .

Ulama menyatakan: Hasad terbahagi kepada dua. Hakikat dan kiasan. Maksud hakikat ialah: Seseorang mengharapkan agar hilangnya nikmat itu daripada pemiliknya. Ini adalah haram menurut kesepakatan ulama dengan dalil-dalil yang sahih. Adapun maksud kiasan ialah Al-Ghibthoh iaitu seseorang berharap agar mempunyai nikmat yang ada pada orang

lain tanpa menghilangkan nikmat itu daripada pemiliknya. Jika ia daripada urusan dunia, maka ia harus. Jika ia daripada urusan mentaati Allah, maka ia digalakkan.

Kelima: Ini merupakan darjat paling tinggi menurut Ibn Rajab al-Hanbali. Seseorang berasa dengki kepada saudaranya, lalu dia berusaha membuang perasaan dengkinya, dan dia mendoakan kebaikan untuk saudaranya yang dia dengkikan itu. Ini merupakan manifestasi cinta kepada saudara sendiri sebagaimana dalam hadis no: 13.

Larangan An-Najsy

Iaitu seseorang yang dengan sengaja menawarkan harga yang tinggi kepada barang yang ingin dibeli, sedangkan pada hakikatnya dia tidak mahu membeli barangan itu. Ia bertujuan agar si penjual mendapat untung yang lebih besar (yang mana dalam hal ini penjual berpakat dengan orang yang berpura-pura ingin membeli lalu menawarkan harga tinggi), atau ia juga bertujuan untuk menganiaya pembeli lain agar mereka tidak dapat membeli. Hal ini biasanya dalam jualan berbentuk lelongan yang mana pembeli yang sanggup membayar harga paling tinggi akan berjaya membelinya.

Ia haram menurut dalil di atas dan kesepakatan ulama.

قال ابنُ عبد البرِّ : أجمعوا أنَّ فاعلَه عاصٍ لله – عز وجل – إذا كان بالنَّهي عالماً

Ibn ‘Abdil Barr menyatakan: Ulama bersepakat bahawa pelakunya telah melakukan maksiat kepada Allah apabila dia tahu bahawa hal itu terlarang.

Termasuklah di dalam hal ini segala bentuk jual beli yang mengandungi tipu daya atau helah yang akan mengaburi mata pembeli.

Larangan saling membenci

Sesungguhnya Allah telah mengharamkan kita daripada bermusuh-musuhan antara satu sama lain.

Allah berfirman:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللهِ وَعَنِ الصَّلاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ

Sesungguhnya syaitan itu hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan cara (meminum) arak dan berjudi itu, dan menghalang kamu daripada mengingat Allah dan solat; maka berhentilah kamu [daripada mengerjakan pekerjaan itu]. [Al-Maidah : 91]

Disebabkan itu Allah menyuruh kita mendamaikan apabila ada orang beriman yang bermusuhan.

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ (9) إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ (10)

Seandainya dua kelompok orang beriman memerangi satu sama lain, perbaikilah hubungan antara dua kelompok ini. Jika salah satunya menzalimi yang lain, maka perangilah yang melakukan kezaliman itu sehingga dia kembali kepada Allah. Seandainya kelompok itu telah kembali kepada Allah, damaikanlah antara keduanya dengan keadilan. Berlaku adillah, sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang adil (9) Sesungguhnya orang beriman bersaudara. Perbaikilah hubungan antara saudara kalian. Bertaqwalah kepada Allah supaya kalian dirahmati (10) [Al-Hujurat : 9-10]

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِأَفْضَلَ مِنْ دَرَجَةِ الصِّيَامِ وَالصَّلاَةِ وَالصَّدَقَةِ " . قَالُوا بَلَى . قَالَ " صَلاَحُ ذَاتِ الْبَيْنِ فَإِنَّ فَسَادَ ذَاتِ الْبَيْنِ هِيَ الْحَالِقَةُ

Abu ad-Darda’ radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Patutkah aku beritahu kepada kalian tentang amalan yang darjatnya lebih utama daripada puasa, solat dan sedekah? Para sahabat menjawab: Ya. Baginda berkata: Memperbaiki hubungan antara satu sama lain. Sesungguhnya merosakkan hubungan merupakan satu cukuran (ke atas agama). [Jami’ at-Tirmizi, Kitab Sifat al-Qiyamah wa ar-Raqaiq wa al-Wara’, hadis no: 2509, sahih]

Terdapat banyak perkara yang menimbulkan kebencian sesama Muslim. Hal ini telah Allah sentuh dalam surah al-Hujurat:

Menerima berita buruk tentang saudara seIslam tanpa usul periksa

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ (6)

Wahai orang-orang yang beriman. Jika datang kepada kalian orang fasiq membawa berita, periksalah. Jika tidak kalian akan menghukum sekelompok manusia dalam keadaan jahil lalu kalian akan menyesal atas apa yang kalilan lakukan. [Al-Hujurat : 6]

Mengejek atau memberi gelaran yang tidak baik

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُنَّ خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الِاسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ (11)

Wahai orang-orang yang beriman. Janganlah kalian mengejek sesuatu kaum. Boleh jadi mereka itu lebih baik daripada kalian. Janganlah sekelompok wanita mengejek wanita

yang lain. Boleh jadi wanita itu lebih baik daripada mereka. Janganlah menghina diri sendiri, dan jangan memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk nama panggilan ialah panggilan yang buruk selepas mendapat keimanan. Sesiapa yang tidak bertaubat, maka mereka orang-orang yang zalim. [Al-Hujurat : 11]

Bersangka buruk, mencari-cari kesalahan dan mengumpat

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ (12)

Wahai orang-orang yang beriman. Jauhilah banyak bersangka-sangka. Sesungguhnya sebahagian persangkaan itu adalah dosa. Janganlah mencari-cari kesalahan orang, janganlah mengumpat antara satu sama lain. Adakah salah seorang daripada kalian suka memakan daging mayat saudaranya sendiri? Pasti kalian tidak suka. Bertaqwalah kepada Allah. sesungguhnya Dia Maha Menerima Taubat dan Penyayang. [Al-Hujurat : 12]

Fanatik kebangsaan@perkauman

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (13)

Wahai manusia. Sesungguhnya kami telah menciptakan kalian daripada lelaki dan perempuan. Kami menciptakan kalian berbangsa-bangsa dan berpuak-puak agar kalian saling berkenalan. Sesungguhnya yang paling mulia daripada kalian di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. [Al-Hujurat : 13]

Larangan tidak bertegur sapa

At-Tadabaru bermaksud tidak bertegur sapa atau memboikot antara satu sama lain.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " لاَ يَحِلُّ لِلْمُؤْمِنِ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلاَثَةِ أَيَّامٍ " .

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma meriwayatkan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak halal untuk orang beriman memboikot saudaranya melebihi tiga hari. [Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, hadis no: 6212]

Akan tetapi ini berkaitan boikot kerana hal keduniaan. Akan tetapi jika ia melibatkan agama, maka dibenarkan memboikot melebihi tiga hari sebagaimana yang Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam lakukan kepada tiga orang sahabat yang tidak menyertai peperangan Tabuk, dan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam memboikot isteri-isterinya selama sebulan untuk mendidik mereka.

Larangan membeli atas belian saudara seIslam

Larangan ini bermaksud jika kita melihat ada saudara kita sedang dalam proses membeli sesuatu daripada seorang penjual. Tidak boleh kita membeli barangan yang sedang dalam proses tawar menawar antara saudara kita dengan penjual tersebut. Majoriti ulama menyatakan larangan ini membawa maksud haram. Sebahagian menyatakan larangan ini untuk saudara seIslam sahaja, tetapi majoriti menyatakan ia merangkumi Muslim dan bukan Muslim.

Dalam hadis-hadis yang lain juga ditunjukkan bahawa dilarang seorang Muslim meminang orang yang sudah dipinang orang lain kecuali jika yang dipinang itu sudah memberikan jawapan menolak pinangan yang pertama atau apabila saudaranya itu memutuskan pertunangan atau mengizinkannya untuk meminang.

'Uqbah bin 'Amir radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

الْمُؤْمِنُ أَخُو الْمُؤْمِنِ فَلاَ يَحِلُّ لِلْمُؤْمِنِ أَنْ يَبْتَاعَ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ وَلاَ يَخْطُبَ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ حَتَّى يَذَرَ "

Orang beriman adalah saudara orang beriman yang lain. Tidak boleh orang beriman membeli di atas belian saudaranya, dan tidak boleh meminang di atas pinangan saudaranya kecuali jika saudaranya menarik diri. [Sahih Muslim, Kitab an-Nikah, hadis no: 3294]

Larangan menzalimi saudara seIslam dan membiarkannya dizalimi

عَنْ أَنَسٍ . رضى الله عنه . قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " انْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا ". قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا، فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا قَالَ " تَأْخُذُ فَوْقَ يَدَيْهِ

Anas radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tolonglah saudara mu yang zalim atau yang dizalimi. Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, kami membantu orang yang dizalimi. Bagaimana kami boleh membantu orang yang zalim? Baginda berkata: Dengan menghalangnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Mazolim, hadis no: 2444]

Larangan Berbohong

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ . رضى الله عنه . عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّى يَكُونَ صِدِّيقًا

Sesungguhnya kejujuran itu membawa kepada kebaikan. Kebaikan membawa ke syurga. Sesungguhnya seseorang akan sentiasa jujur sehingga dia menjadi orang yang benar-benar jujur.

، وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ، حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا

Sesungguhnya pendustaan membawa kepada dosa. Dosa membawa ke neraka. Sesungguhnya seseorang akan berdusta hingga ditulis di sisi Allah dia pendusta. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, hadis no: 6094]

Akan tetapi dibenarkan berbohong untuk mendamaikan saudara seIslam yang bertelagah, atau untuk mengambil hati pasangan. Akan tetapi pembohongan untuk menipu daya adalah terlarang.

عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ يَزِيدَ، قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " لاَ يَحِلُّ الْكَذِبُ إِلاَّ فِي ثَلاَثٍ يُحَدِّثُ الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ لِيُرْضِيَهَا وَالْكَذِبُ فِي الْحَرْبِ وَالْكَذِبُ لِيُصْلِحَ بَيْنَ النَّاسِ "

Daripada 'Asma bte Yazid radiallahu 'anha, beliau berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidak halal berbohong kecuali dalam tiga keadaan: Perkataan seorang suami kepada isterinya agar isterinya gembira, berbohong ketika perang, dan berbohong untuk mendamaikan manusia. [Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Birr wa al-Silah, hadis no: 1939, hadis hasan]

Ummu Kalthum mendengar Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَيْسَ الْكَذَّابُ الَّذِي يُصْلِحُ بَيْنَ النَّاسِ وَيَقُولُ خَيْرًا وَيَنْمِي خَيْرًا " .

Bukanlah pendustaan itu apabila dia mendamaikan antara manusia, dan dia berkata yang baik.

قَالَ ابْنُ شِهَابٍ وَلَمْ أَسْمَعْ يُرَخَّصُ فِي شَىْءٍ مِمَّا يَقُولُ النَّاسُ كَذِبٌ إِلاَّ فِي ثَلاَثٍ الْحَرْبُ وَالإِصْلاَحُ بَيْنَ النَّاسِ وَحَدِيثُ الرَّجُلِ امْرَأَتَهُ وَحَدِيثُ الْمَرْأَةِ زَوْجَهَا .

Ibn Syihab berkata: Aku tidak mendengar sebarang keringanan dalam sesuatu untuk berdusta kecuali tiga perkara: Peperangan, mendamaikan manusia, dan perkataan seorang suami kepada isteri dan isteri kepada suami.

[Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, hadis no: 2605]

Imam an-Nawawi menerangkan dalam Syarah Sahih Muslim:

وَأَمَّا كَذِبُهُ لِزَوْجَتِهِ وَكَذِبُهَا لَهُ فَالْمُرَادُ بِهِ فِي إِظْهَارِ الْوُدِّ وَالْوَعْدِ بِمَا لَا يَلْزَمُ وَنَحْوُ ذَلِكَ ، فَأَمَّا الْمُخَادَعَةُ فِي مَنْعِ مَا عَلَيْهِ أَوْ عَلَيْهَا ، أَوْ أَخْذِ مَا لَيْسَ لَهُ أَوْ لَهَا فَهُوَ حَرَامٌ بِإِجْمَاعِ الْمُسْلِمِينَ . وَاللَّهُ أَعْلَمُ .

Adapun berbohongnya suami kepada isterinya dan berbohongnya isteri kepada suaminya; yang dimaksudkan di sini ialah berbohong untuk menzahirkan rasa cinta untuk sesuatu yang sebenarnya tidak ada atau seumpamanya. Adapun menipu untuk menghalang haknya atau mengambil apa yang bukan haknya, maka itu merupakan perbuatan yang haram menurut kesepakatan ulama. Wallahua'lam.

Larangan Memandang Rendah Orang Lain

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبْرٍ " . قَالَ رَجُلٌ إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً . قَالَ " إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ الْكِبْرُ بَطَرُ الْحَقِّ وَغَمْطُ النَّاسِ " .

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidak akan masuk ke dalam syurga sesiapa yang di dalam hatinya ada seberat zarah daripada sifat sombong. Seorang sahabat bertanya: Sesungguhnya ada orang suka memakai pakaian dan kasut yang elok. Baginda menjawab: Sesungguhnya Allah itu cantik dan menyukai kecantikan. Sombong itu adalah menolak kebenaran dan merendahkan manusia. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 164]

Dengan meninggalkan kesemua perkara di atas, ia akan membantu mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Islam.

Terdapat banyak perkara yang membantu untuk mengeratkan hubungan persaudaraan;

Menyebarkan Salam

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " لاَ تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا وَلاَ تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا أَوَلاَ أَدُلُّكُمْ عَلَى شَىْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابَبْتُمْ أَفْشُوا السَّلاَمَ بَيْنَكُمْ .

Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Kalian tidak akan masuk syurga hinggalah kalian beriman. Kalian tidak beriman hinggalah kalian saling mencintai. Patutkah aku tunjukkan kepada kalian sesuatu yang jika kalian lakukannya, kalian akan saling mencintai? Ucapkanlah salam sesama kalian. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 96]

Saling Memberi Hadiah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ: تَهَادُوا تَحَابُّوا

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Berilah hadiah, kalian akan saling mencintai. [Al-Bukhari dalam Al-Adab Al-Mufrad, Bab Qabul al-Hadiyyah, hadis no: 594, Shaikh al-Albani menyatakan ia hadis hasan]

Berjabat Tangan

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " مَا مِنْ مُسْلِمَيْنِ يَلْتَقِيَانِ فَيَتَصَافَحَانِ إِلاَّ غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَفْتَرِقَا

Al-Bara' bin 'Azib berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidaklah dua orang Muslim bertemu lalu mereka berjabat tangan melainkan diampuni dosa mereka sebelum mereka berpisah. [Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Isti'zan wa al-Adab, hadis no: 2727, hasan gharib]

Taqwa itu dihati

Sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam (التَّقوى هاهنا) : Taqwa itu di sini.

Selepas menerangkan perkara-perkara yang dilarang daripada dilakukan kepada saudara seIslam, Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bercakap pula tentang taqwa. Ini menunjukkan bahawa tiada kemuliaan atau perbezaan antara manusia kecuali ketaqwaan mereka.

Firman Allah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (13)

Sesungguhnya yang paling mulia daripada kalian di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. [Al-Hujurat : 13]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ . رضى الله عنه . قَالَ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ أَكْرَمُ النَّاسِ قَالَ " أَتْقَاهُمْ ". قَالُوا لَيْسَ عَنْ هَذَا نَسْأَلُكَ. قَالَ " فَيُوسُفُ نَبِيُّ اللَّهِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ditanya: Siapakah manusia yang paling mulia? Baginda menjawab: Yang paling bertaqwa. Mereka berkata lagi: Bukan itu yang kami tanyakan. Baginda pun menjawab: Jika begitu, Yusuf Nabi Allah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, hadis no: 3490]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِنَّ اللَّهَ لاَ يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan harta kalian. Tetapi Dia melihat kepada hati dan amal-amal kalian. [Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, hadis no: 6221]

Hadis 13- Mencintai Saudara Seperti Mencintai Diri Sendiri

عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " لا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Anas radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidak beriman salah seorang daripada kalian sehinggalah dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 13]

Huraian hadis:

Hadis ini tidaklah menunjukkan bahawa orang tersebut tidak mempunyai iman langsung. Sebaliknya ia menunjukkan bahawa orang yang tidak mencintai saudaranya mempunyai iman yang lemah berbanding orang yang mencintai saudaranya. Perkara seumpama ini juga dapat dilihat di dalam hadis-hadis yang lain, contohnya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم " لاَ يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهْوَ مُؤْمِنٌ، وَلاَ يَسْرِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهْوَ مُؤْمِنٌ، وَلاَ يَشْرَبُ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهْوَ مُؤْمِنٌ، وَالتَّوْبَةُ مَعْرُوضَةٌ بَعْدُ "

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Tidaklah berzina seorang penzina jika ketika berzina itu dia seorang mukmin, tidaklah mencuri seorang pencuri jika ketika mencuri itu dia seorang mukmin, tidaklah minum arak jika ketika meminumnya dia seorang mukmin. Akan tetapi, selepas itu pintu taubat masih terbuka. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Hudud, hadis no: 6810]

Ulama berbeza pendapat adakah orang yang melakukan dosa besar masih lagi dipanggil mukmin, atau dia dipanggil muslim sahaja.

Ulama yang menyatakan bahawa mereka masih dipanggil mukmin yang lemah iman (مؤمنٌ ناقصُ الإيمانِ) ialah Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu, Ibn al-Mubarak, Ishaq bin Rahawiah, Abu ‘Ubaid dan selain mereka.

Yang menyatakan bahawa mereka hanya dipanggil Muslim ialah Abu Ja’far Muhammad bin Ali, dan lain-lain.

Mencintai dan Membenci Kerana Allah

عَنْ مُعَاذٍ ، أَنَّهُ سَأَلَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَفْضَلِ الإِيمَانِ قَالَ : أَفْضَلُ الإِيمَانِ أَنْ تُحِبَّ لِلَّهِ ، وَتُبْغِضَ فِي اللهِ ، وَتُعْمِلَ لِسَانَكَ فِي ذِكْرِ . قَالَ : وَمَاذَا يَا رَسُولَ اللهِ ؟ قَالَ : وَأَنْ تُحِبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ ، وَتَكْرَهَ لَهُمْ مَا تَكْرَهُ لِنَفْسِكَ ، وَأَنْ تَقُولَ خَيْرًا أَوْ تَصْمُتَ.

Muaz meriwayatkan bahawa beliau bertanya kepada Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam tentang iman yang terbaik. Baginda menjawab: Iman yang terbaik ialah engkau mencintai kerana Allah, membenci kerana Allah, dan menggunakan lidah mu untuk berzikir. Beliau bertanya: Apakah itu ya Rasulullah? Baginda menjawab: Engkau mencintai

untuk manusia apa yang kau cintai untuk diri mu, engkau membenci untuk manusia apa yang kau benci untuk diri mu, dan engkau berkata perkataan yang baik, atau pun diam. [Musnad Ahmad, hadis Muaz bin Jabal, hadis no: 22185, Sahih Lighairihi dan sanad riwayat ini dhaif]

Bahkan mencintai kebaikan untuk saudara sendiri merupakan lambang kecintaan kepada syurga Allah.

قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَتُحِبُّ الْجَنَّةَ ؟ قَالَ : قُلْتُ : نَعَمْ ، قَالَ : فَأَحِبَّ لأَخِيكَ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ.

Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bertanya: Adakah engkau mencintai syurga? Sahabat menjawab: Ya. Baginda berkata: Cintailah untuk saudara mu apa yang kau cintai untuk diri mu. [Musnad Ahmad, Hadis Asad bin Karz, hadis no: 16706, hadis hasan dan isnad ini dhaif]

Apakah bukti cinta kepada saudara kita?

Melayani mereka dengan baik
‘Abdullah bin ‘Amru radiallahu ‘anhu meriwayatkan baginda Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

فَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُزَحْزَحَ عَنِ النَّارِ وَيَدْخُلَ الْجَنَّةَ فَلْتَأْتِهِ مَنِيَّتُهُ وَهُوَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَلْيَأْتِ إِلَى النَّاسِ الَّذِي يُحِبُّ أَنْ يُؤْتَى إِلَيْهِ

Sesiapa yang suka dijauhkan daripada neraka dan masuk ke dalam syurga, hendaklah dia mati dalam keadaan beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Hendaklah dia melayani manusia sebagaimana dia suka dirinya dilayani. [Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, hadis no: 4546]

Memberi nasihat kepada mereka
عَنْ أَبِي ذَرٍّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " يَا أَبَا ذَرٍّ إِنِّي أَرَاكَ ضَعِيفًا وَإِنِّي أُحِبُّ لَكَ مَا أُحِبُّ لِنَفْسِي لاَ تَأَمَّرَنَّ عَلَى اثْنَيْنِ وَلاَ تَوَلَّيَنَّ مَالَ يَتِيمٍ "

Abu Dzar meriwayatkan Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Wahai Abu Dzar, aku melihat engkau ini orang yang lemah. Aku suka untuk engkau apa yang aku sukai untuk diri ku. Janganlah engkau menjadi pemimpin kepada dua orang lain, dan janganlah engkau menguruskan harta anak yatim. [Sahih Muslim, Kitab al-Imarah, hadis no: 4492]

Berkongsi kegembiraan ataupun kesedihan saudara seIslam

النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ، يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحُمِهِمْ وَتَوَادِّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ كَمَثَلِ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى ".

An-Nu'man bin Basyir berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Engkau akan lihat orang beriman dalam belas kasihan antara mereka, kasih sayang antara mereka, dan berbuat baik sesama mereka seperti satu jasad. Apabila satu bahagian sakit, keseluruhan jasad juga akan tidak dapat tidur dan merasai kesakitan. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, hadis no: 6011]

Imam Ibn Rajab menyimpulkan:

وفي الجملة : فينبغي للمؤمن أنْ يُحِبَّ للمؤمنينَ ما يُحبُّ لنفسه ، ويكره لهم ما يكره لِنفسه ، فإنْ رأى في أخيه المسلم نقصاً في دينه اجتهدَ في إصلاحه .

Hendaklah seorang mukmin menyukai untuk mukmin yang lain apa yang dia sukai untuk dirinya. Hendaklah dia membenci untuk mukmin yang lain apa yang dia benci untuk dirinya. Seandainya dia melihat pada saudara seIslam ada kekurangan di dalam bab agama, hendaklah dia bersungguh-sungguh menasihatinya.

قال بعضُ الصالحين مِن السَّلف : أهلُ المحبة لله نظروا بنور الله ، وعطَفُوا على أهلِ معاصي الله ، مَقَتُوا أعمالهم ، وعطفوا عليهم ليزيلوهُم بالمواعظ عن فِعالهم ، وأشفقوا على أبدانِهم من النار ، لا يكون المؤمنُ مؤمناً حقاً حتى يرضى للناسِ ما يرضاه لنفسه ، وإنْ رأى في غيره فضيلةً فاق بها عليه فيتمنى لنفسه مثلها ، فإنْ كانت تلك الفضيلةُ دينية ، كان حسناً

Sebahagian orang soleh berkata: orang yang mencintai kerana Allah melihat dengan cahaya Allah. Mereka bersimpati kepada ahli maksiat, dan membenci amalan maksiat mereka. Mereka bersimpati kepada mereka lalu berusaha menjauhkan mereka daripada maksiat itu dengan menasihati mereka. Mereka juga takut tubuh badan saudara mereka daripada dijilat api neraka. Tidaklah seorang mukmin menjadi mukmin yang sebenar sehingga dia redha untuk manusia apa yang dia redha untuk dirinya.

Hadis 36- Membantu Saudara SeIslam

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا نَفَّسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang melepaskan seorang Mukmin daripada kesusahan di dunia, Allah akan melepaskannya daripada kesusahan di akhirat. Sesiapa yang memudahkan urusan orang yang berhutang, Allah akan memudahkan urusannya di dunia dan akhirat.

وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Sesiapa yang menutup keaiban seorang Muslim, Allah akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa akan membantu hambaNya selagi mana dia membantu saudaranya. Sesiapa yang menempuh perjalanan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkan jalannya ke syurga.

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلاَّ نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلاَئِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ وَمَنْ بَطَّأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ " .

Tidaklah sekelompok manusia berkumpul di rumah Allah untuk membaca al-Quran dan saling mempelajari antara mereka kecuali ketenangan akan turun ke atas mereka, rahmat akan menyeliputi mereka, malaikat akan mengelilingi mereka, dan Allah akan menyebut tentang mereka kepada sesiapa yang ada di sisiNya. Sesiapa yang lambat dalam amalannya, maka keturunannya tidak akan dapat mempercepatkannya. [Sahih Muslim, Kitab ad-Dzikr wa ad-Dua’ wa at-Taubah wa al-Istighfar, hadis no: 2699]

Huraian:

Hadis ini menerangkan satu konsep yang dikenali sebagai:

الجزاءَ من جنس العمل

Balasan adalah sesuai dengan jenis amalan.

Yang mana kaedah ini menyimpulkan bahawa setiap orang akan mendapat perkara yang serupa daripada apa yang dia lakukan. Ini disebutkan dalam banyak dalil. Antaranya;

إِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الرُّحَمَاءَ

Sesungguhnya Allah hanya mengasihi hamba-hambaNya yang pengasi. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 7448]

إِنَّ اللَّهَ يُعَذِّبُ الَّذِينَ يُعَذِّبُونَ النَّاسَ فِي الدُّنْيَا

Sesungguhnya Allah akan mengazab orang yang mengazab manusia lain di dunia. [Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa as-Silah wa al-Adab, hadis no: 6238]

Menghilangkan Kesusahan Orang Lain

Sesiapa yang melepaskan insan lain daripada sebarang kesusahan, Allah akan melepaskannya jua daripada kesusahan di hari akhirat.

Dalam sebuah riwayat Mawquf, Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu berkata:

أَيُّمَا مُؤْمِنٍ سَقَى مُؤْمِنًا شَرْبَةً عَلَى ظَمَأٍ ، سَقَاهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنَ الرَّحِيقِ الْمَخْتُومِ ، وَأَيُّمَا مُؤْمِنٍ أَطْعَمَ مُؤْمِنًا عَلَى جُوعٍ أَطْعَمَهُ اللَّهُ مِنْ ثِمَارِ الْجَنَّةِ ، وَأَيُّمَا مُؤْمِنٍ كَسَا مُؤْمِنًا ثَوْبًا عَلَى عُرْيٍ كَسَاهُ اللَّهُ مِنْ خُضْرِ الْجَنَّةِ.

Sesiapa pun mukmin yang memberikan minum kepada mukmin lain yang dalam kehausan, Allah akan memberinya minum pada hari kiamat daripada al-Raheeq al-Makhtum (sejenis arak di syurga), sesiapa pun mukmin yang memberi makan kepada mukmin lain yang dalam kehausan, Allah akan memberinya makan daripada buah-buahan di syurga. Sesiapa pun mukmin yang memberikan pakaian kepada mukmin lain yang tidak berpakaian, Allah akan memberinya pakaian daripada dedaunan syurga.

[Musnad Ahmad, Musnad Abu Sa'id al-Khudri, hadis no: 11116]

(الكُربة) membawa maksud kesusahan yang sangat dahsyat. Disebabkan itu nabi sallallahu 'alaihi wasallam menyatakan bahawa orang tersebut akan dibebaskan daripada kesusahan yang dahsyat di akhirat. Kedahsyatan kesusahan di hari akhirat digambarkan dalam riwayat di bawah:

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " يُحْشَرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حُفَاةً عُرَاةً غُرْلاً " . قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ النِّسَاءُ وَالرِّجَالُ جَمِيعًا يَنْظُرُ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ قَالَ صلى الله عليه وسلم " يَا عَائِشَةُ الأَمْرُ أَشَدُّ مِنْ أَنْ يَنْظُرَ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Aku mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Manusia akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan berkaki ayam, tidak berpakaian dan belum bersunat. Aku bertanya: Ya Rasulullah, adakah kaum wanita dan lelaki kesemuanya saling memandang antara satu sama lain? Baginda menjawab: Ya 'Aisyah, keadaan hari itu sangat dahsyat untuk sebahagian manusia memandang antara satu sama lain. [Sahih Muslim, Kitab al-Jannah wa Sifati Na'imiha wa Ahliha, hadis no: 6844]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ . رضى الله عنهما . عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم. {يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ} قَالَ " يَقُومُ أَحَدُهُمْ فِي رَشْحِهِ إِلَى أَنْصَافِ أُذُنَيْهِ

Ibn 'Umar radiallahu 'anhuma meriwayatkan daripada Nabi sallallahu 'alaihi wasallam tentang ayat: Hari yang mana manusia berdiri menghadap Tuhan sekalian alam, baginda

berkata: Salah seorang daripada mereka akan berdiri dalam keadaan peluhnya sudah mencecah tengah kedua telinganya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6531]

Kenapakah tidak disebutkan bahawa dia akan dibebaskan daripada kesusahan yang dahsyat di dunia dan akhirat? Sebaliknya disebutkan kesusahan akhirat sahaja? Ini kerana kesusahan yang akan dialami di akhirat adalah lebih dahsyat daripada kesusahan di dunia. Maka, ini menunjukkan sifat rahmat Allah di mana dengan membebaskan manusia daripada kesusahan di dunia, maka Allah membebaskan kita daripada kesusahan yang lebih besar di akhirat kelak.

Memudahkan urusan hutang

Meringankan beban orang yang berhutang mempunyai dua cara.

1- Memberikan lebih masa agar dia dapat melunaskan hutangnya. Ini wajib dilakukan apabila yang berhutang benar-benar tidak mampu. Allah berfirman:

   وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَى مَيْسَرَةٍ

   Jika orang yang berhutang itu dalam kesusahan, tangguhkanlah sehingga dia senang [al-Baqarah : 280]

2- Mengurangkan jumlah hutang, atau menghalalkan terus hutang tersebut.

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

كَانَ تَاجِرٌ يُدَايِنُ النَّاسَ، فَإِذَا رَأَى مُعْسِرًا قَالَ لِفِتْيَانِهِ تَجَاوَزُوا عَنْهُ، لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَتَجَاوَزَ عَنَّا، فَتَجَاوَزَ اللَّهُ عَنْهُ "

Ada seorang peniaga yang memberikan hutang kepada orang lain. Apabila dia melihat orang tersebut tidak mampu membayar hutang. Peniaga itu berkata kepada pekerjanya: Maafkanlah dia, moga-moga Allah memaafkan kita. Lalu Allah pun memaafkan peniaga itu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Buyu’, hadis no: 2078]

عَنْ حُذَيْفَةَ . رضى الله عنه . قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " مَاتَ رَجُلٌ، فَقِيلَ لَهُ قَالَ كُنْتُ أُبَايِعُ النَّاسَ، فَأَتَجَوَّزُ عَنِ الْمُوسِرِ، وَأُخَفِّفُ عَنِ الْمُعْسِرِ، فَغُفِرَ لَهُ

Huzaifah radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Seorang lelaki telah mati, lalu beliau disoal. Lelaki itu menjawab: Aku merupakan seorang peniaga. Aku memberikan tempoh masa (membayar hutang) kepada orang kaya, dan meringankan (hutang) daripada orang yang tidak mampu. Lalu lelaki itu diampuni. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fi al-Istiqradh, hadis no: 2391]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ، أَنَّ أَبَا قَتَادَةَ، طَلَبَ غَرِيمًا لَهُ فَتَوَارَى عَنْهُ ثُمَّ وَجَدَهُ فَقَالَ إِنِّي مُعْسِرٌ . فَقَالَ آللَّهِ قَالَ آللَّهِ . قَالَ فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُنْجِيَهُ اللَّهُ مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلْيُنَفِّسْ عَنْ مُعْسِرٍ أَوْ يَضَعْ عَنْهُ "

Abdullah bin Abu Qatadah meriwayatkan bahawa Abu Qatadah menuntut hutang daripada orang yang berhutang, lalu orang itu menghilangkan diri. Kemudian dia menemui orang tersebut, dan orang itu berkata: Sesungguhnya aku tidak mampu membayarnya. Qatadah berkata: Adakah engkau bersumpah dengan nama Allah? Lelaki itu menjawab: Demi Allah. Qatadah berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa suka agar Allah menyelamatkannya daripada kesusahan hari Kiamat, hendaklah dia melepaskan hutang itu daripada orang yang tidak mampu membayarnya. [Sahih Muslim, Kitab al-Musaqah, hadis no: 3795]

مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا أَوْ وَضَعَ عَنْهُ أَظَلَّهُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ

Sesiapa yang memberi penangguhan kepada yang tidak mampu membayar hutang, atau menggugurkan hutang itu. Allah akan menaunginya. [Sahih Muslim, Kitab az-Zuhd wa al-Raqaiq, hadis no: 7149]

Menutup keaiban manusia

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " مَنْ سَتَرَ عَوْرَةَ أَخِيهِ الْمُسْلِمِ سَتَرَ اللَّهُ عَوْرَتَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ كَشَفَ عَوْرَةَ أَخِيهِ الْمُسْلِمِ كَشَفَ اللَّهُ عَوْرَتَهُ حَتَّى يَفْضَحَهُ بِهَا فِي بَيْتِهِ

Ibn ‘Abbas meriwayatkan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang menutupi keaiban saudara seIslamnya, Allah akan menutupi keaibannya pada hari kiamat. Sesiapa yang membuka keaiban saudara seIslamnya, Allah akan membuka keaibannya sehingga memalukannya hatta di dalam rumahnya sendiri. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Hudud, hadis no: 2643, Shaikh al-Albani mensahihkannya dalam Sahih Ibn Majah]

Ibn Rajab menukilkan:

أدركتُ قوماً لم يكن لهم عيوبٌ ، فذكروا عيوبَ الناس ، فذكر الناسُ لهم عيوباً ، وأدركتُ أقواماً كانت لهم عيوبٌ ، فكفُّوا عن عُيوب الناس ، فنُسِيَت عيوبهم

Aku menemui kelompok manusia yang tidak mempunyai keaiban, lalu mereka bercerita tentang aib manusia lain, lalu manusia pun bercerita tentang keaiban mereka. Aku menemui jua kelompok manusia yang mempunyai aib, tetapi mereka menahan diri daripada bercakap tentang aib orang lain, lalu keaiban mereka dilupai.

Terdapat dua kelompok manusia dalam bab ini;

1- Yang melakukan maksiat secara tertutup- Tidak boleh membuka aib mereka atau mengumpat mereka. Perbuatan membongkar dan menyebarkan aib mereka ini termasuk dalam hal di bawah:

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ آمَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ

Sesungguhnya orang-orang yang suka menyebarkan keburukan yang ada pada orang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan akhirat. [An-Nur :19]

2- Jika ia dilakukan secara terbuka dan pelakunya dikenali sebagai ahli Maksiat, maka dibenarkan untuk menyebarkannya apabila ada keperluan untuk melakukannya.

Membantu Saudara SeIslam

'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma meriwayatkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لاَ يَظْلِمُهُ، وَلاَ يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ، كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ

Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak menzaliminya, tidak menyerahkannya (kepada musuh). Sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya, Allah akan memenuhi hajatnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ikrah, hadis no: 6951]

Kelebihan Menuntut Ilmu

Ini menunjukkan apa sahaja usaha yang dilakukan untuk mencari ilmu tidak kira dengan cara bermusafir, menghadiri majlis ilmu, membaca, menghafaz, mengeluarkan belanja wang ringgit dan sebagainya; itu semua merupakan usaha yang akan memudahkan seseorang untuk masuk ke dalam syurga.

Ilmu akan memudahkan seseorang untuk masuk ke dalam syurga kerana dengan ilmu, seseorang itu akan dapat mengetahui apakah kebenaran dan apakah kesesatan, dan dia dapat melakukan amalan-amalan yang terbaik yang akan memberikan manfaat maksima kepada dirinya.

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لاَ يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُوْلُوا الأَلْبَابِ

Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.[az-Zumar : 9]

يَرْفَعْ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah),

Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan. [al-Mujadilah:11]

Hilangnya manusia yang berilmu akan menyebabkan kesesatan semakin mudah tersebar.

'Abdullah bin 'Amr radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لاَ يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ النَّاسِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّى إِذَا لَمْ يَتْرُكْ عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَّالاً فَسُئِلُوا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا

Sesungguhnya Allah tidak menarik ilmu ini dengan merampasnya daripada manusia. Sebaliknya Allah menariknya dengan mematikan ulama sehingga Dia tidak meninggalkan orang alim, lalu manusia menjadikan orang jahil sebagai ketua mereka. Orang-orang jahil ini disoal lalu mereka memberi fatwa tanpa ilmu. Mereka sesat dan menyesatkan. [Sahih Muslim, Kitab al-Ilm, hadis no: 6462]

Akan tetapi penuntut ilmu sendiri terbahagi kepada pelbagai kategori.

عَنْ أَبِي مُوسَى، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " مَثَلُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ الْغَيْثِ الْكَثِيرِ أَصَابَ أَرْضًا، فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ قَبِلَتِ الْمَاءَ، فَأَنْبَتَتِ الْكَلأَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيرَ

Daripada Abu Musa radiallahu 'anhu, Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Perumpamaan bagi apa yang Allah utuskan aku dengannya iaitu hidayah dan ilmu adalah seperti hujan lebat jatuh ke bumi; bumi itu ada yang subur, menyerap air, lalu ia menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan rumput-rumput yang banyak.

، وَكَانَتْ مِنْهَا أَجَادِبُ أَمْسَكَتِ الْمَاءَ، فَنَفَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسَ، فَشَرِبُوا وَسَقَوْا وَزَرَعُوا

Ada pula yang keras tidak menyerap air sehingga bertakungnya air, maka Allah dengan hal itu, Allah mengurniakan manfaat kepada manusia. Mereka dapat minum dan memberi minum (binatang ternak dan sebagainya), dan untuk bercucuk tanam.

، وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةً أُخْرَى، إِنَّمَا هِيَ قِيعَانٌ لاَ تُمْسِكُ مَاءً، وَلاَ تُنْبِتُ كَلأً،

Ada pula hujan yang jatuh ke bahagian lain, iaitu di atas tanah yang tidak menakungkann air dan tidak pula menumbuhkan rumput.

فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ فَقِهَ فِي دِينِ اللَّهِ وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ، فَعَلِمَ وَعَلَّمَ، وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا، وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللَّهِ الَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ

Begitulah perumpamaan orang yang belajar agama dan memanfaatkan apa yang Allah utuskan bersamaku, dipelajarinya dan diajarkannya. Begitu pula perumpamaan orang yang tidak mahu memikirkan dan tidak menerima petunjuk Allah yang aku diutus untuk menyampaikannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilm, hadis no: 79]

Diriwayatkan daripada Imam al-Auzai'e, beliau berkata:

جاء رجل إلى ابن مسعود فقال: يا أبا عبد الرحمن، أى الأعمال أفضل؟

Seorang lelaki telah datang kepada Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu lalu bertanya : Wahai Abu Abdul Rahman, apakah amalan yang paling afdhal?

قال: العلم، ثم سأله أى الأعمال أفضل؟ قال: العلم،

Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu menjawab: Ilmu. Kemudian lelaki itu bertanya lagi : Apakah amalan yang paling afdhal? Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu menjawab : Ilmu.

قال: أنا أسألك عن أفضل الأعمال، وأنت تقول: العلم؟

Lelaki itu pun berkata : Aku bertanya kepada engkau tentang amalan paling afdhal, tetapi engkau menjawab ilmu.

قال: ويحك، إن مع العلم بالله ينفعك قليل العمل وكثيره، ومع الجهل بالله لا ينفعك قليل العمل ولا كثيره.

Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu menjawab: Celaka engkau! Dengan adanya ilmu tentang Allah, amal yang sedikit mahupun banyak akan memberikan manfaat kepada engkau. Dengan kebodohan tentang Allah. Amal yang sedikit mahupun banyak tidak memberi manfaat kepada engkau. [Kitab al-Ilm, Syarah Sahih al-Bukhari oleh Ibn Batthal]

Kelebihan Duduk Di Masjid dan Mempelajari Al-Quran

Sebaik-baik manusia ialah manusia yang belajar dan mengajar al-Quran.

عَنْ عُثْمَانَ . رضى الله عنه . عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Uthman radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik kalian ialah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 5027]

Termasuk juga di dalam hal ini galakan mendengar bacaan al-Quran sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Baginda sering menyuruh sahabat memperdengarkan bacaan mereka.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، رضى الله عنه قَالَ قَالَ لِي النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم " اقْرَأْ عَلَىَّ الْقُرْآنَ ". قُلْتُ آقْرَأُ عَلَيْكَ وَعَلَيْكَ أُنْزِلَ قَالَ " إِنِّي أُحِبُّ أَنْ أَسْمَعَهُ مِنْ غَيْرِي

'Abdullah bin Mas'ur radiallahu 'anhu berkata: Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada ku: Bacalah kepada ku al-Quran. Aku menjawab: Adakah aku patut membaca kepada mu sedangkan ia diturunkan kepada mu? Baginda menjawab: Sesungguhnya aku suka untuk mendengar bacaan orang lain. [Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhail al-Quran, hadis no: 5049]

Majlis-majlis seumpama ini merupakan sebahagian daripada majlis zikir yang akan diturunkan rahmat kepada orang yang hadir.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ لِلَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى مَلاَئِكَةً سَيَّارَةً فُضْلاً يَتَتَبَّعُونَ مَجَالِسَ الذِّكْرِ فَإِذَا وَجَدُوا مَجْلِسًا فِيهِ ذِكْرٌ قَعَدُوا مَعَهُمْ وَحَفَّ بَعْضُهُمْ بَعْضًا بِأَجْنِحَتِهِمْ حَتَّى يَمْلَئُوا مَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ السَّمَاءِ الدُّنْيَا فَإِذَا تَفَرَّقُوا عَرَجُوا وَصَعِدُوا إِلَى السَّمَاءِ

Daripada Abu Hurairah radiallahu 'anhu, Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah memiliki malaikat-malaikat yang sentiasa bergerak, yang mana tugas mereka hanyalah untuk mencari majlis-majlis zikir. Apabila mereka menemui majlis yang terdapat zikir di dalamnya, mereka akan duduk bersama, mereka akan saling memayungi satu sama lain dengan sayap mereka sehingga ia memenuji antara mereka dan langit dunia. Apabila majlis itu bersurai, mereka akan naik ke langit.

– قَالَ – فَيَسْأَلُهُمُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَهُوَ أَعْلَمُ بِهِمْ مِنْ أَيْنَ جِئْتُمْ فَيَقُولُونَ جِئْنَا مِنْ عِنْدِ عِبَادٍ لَكَ فِي الأَرْضِ يُسَبِّحُونَكَ وَيُكَبِّرُونَكَ وَيُهَلِّلُونَكَ وَيَحْمَدُونَكَ وَيَسْأَلُونَكَ . قَالَ وَمَاذَا يَسْأَلُونِي قَالُوا يَسْأَلُونَكَ جَنَّتَكَ . قَالَ وَهَلْ رَأَوْا جَنَّتِي قَالُوا لاَ أَىْ رَبِّ . قَالَ فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْا جَنَّتِي

Lalu Allah bertanya kepada mereka, walaupun hakikatnya Allah lebih mengetahui daripada malaikat-malaikat itu: Dari mana kalian datang? Malaikat-malaikat menjawab: Kami baru dari hamba-hamba Mu di bumi. Mereka bertasbih kepada Mu, bertakbir kepada Mu, bertahlil kepada Mu, bertahmid kepada Mu dan mereka berdoa kepada Mu. Allah bertanya: Apa yang mereka minta daripada Ku? Malaikat menjawab: Mereka meminta syurga Mu. Allah bertanya: Adakah mereka pernah melihat syurga Ku? Malaikat menjawab: Tidak wahai tuhan. Allah bertanya: Bagaimana jika mereka pernah melihat syurga Ku?

قَالُوا وَيَسْتَجِيرُونَكَ . قَالَ وَمِمَّ يَسْتَجِيرُونَنِي قَالُوا مِنْ نَارِكَ يَا رَبِّ . قَالَ وَهَلْ رَأَوْا نَارِي قَالُوا لاَ . قَالَ فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْا نَارِي

Malaikat menjawab: Mereka akan memohon perlindungan Mu. Allah bertanya: Mereka memohon perlindungan Ku daripada apa? Malaikat menjawab: Daripada neraka Mu ya Tuhan. Allah bertanya: Adakah mereka pernah melihat neraka? Malaikat menjawab: Tidak. Allah bertanya: Bagaimana jika mereka pernah melihat neraka Ku?

قَالُوا وَيَسْتَغْفِرُونَكَ – قَالَ – فَيَقُولُ قَدْ غَفَرْتُ لَهُمْ فَأَعْطَيْتُهُمْ مَا سَأَلُوا وَأَجَرْتُهُمْ مِمَّا اسْتَجَارُوا – قَالَ – فَيَقُولُونَ رَبِّ فِيهِمْ فُلاَنٌ عَبْدٌ خَطَّاءٌ إِنَّمَا مَرَّ فَجَلَسَ مَعَهُمْ قَالَ فَيَقُولُ وَلَهُ غَفَرْتُ هُمُ الْقَوْمُ لاَ يَشْقَى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ " .

Malaikat menjawab: Mereka akan memohon keampunan Mu. Allah berkata: Sesungguhnya Aku telah Mengampuni mereka. Maka Aku akan berikan kepada mereka apa yang mereka minta, dan Aku akan berikan perlindungan kepada mereka daripada apa yang mereka mahu berlindung. Malaikat berkata: Ya Tuhan, terdapat seorang daripada mereka yang lalu di majlis itu, lalu dia duduk bersama mereka. Allah berkata: Aku juga telah mengampuni mereka. [Sahih Muslim, Kitab ad-Dzikr wa ad-Dua' wa at-Taubah wa al-Istighfar, hadis no: 6505]

Hadis 32- Tidak Boleh Menimbulkan Kemudharatan

عَنْ أبي سَعيدٍ الخُدريِّ – رضي الله عنه – : أنَّ النَّبيَّ – صلى الله عليه وسلم – ، قالَ : ((لا ضَرَرَ ولا ضِرارَ)) حديثٌ حَسَنٌ ، رَواهُ ابنُ ماجه والدَّارقطنيُّ وغيرهما مُسنداً ، ورواهُ مالكٌ في "الموطإ " عَن عَمْرو بن يحيى ، عَنْ أَبيهِ ، عَنِ النَّبيِّ – صلى الله عليه وسلم – مُرسلاً ، فأَسقط أبا سعِيدٍ ، وله طُرُقٌ يَقْوى بَعضُها بِبَعْضٍ.

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tidak boleh memudharatkan, dan tidak boleh menimbulkan kemudharatan. (Al-Imam An-Nawawi berkata): Hadis ini hasan. Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan ad-Daraquthni dan selain mereka berdua secara musnad. Imam Malik pula meriwayatkan ia di dalam Al-Muwatta' dari 'Amru bin Yahya, daripada ayahnya, daripada Nabi ﷺ secara mursal, tetapi Abu Sa'id tiada dalam sanad ini. Terdapat juga jalan riwayat yang lain yang mana ia saling kuat menguatkan antara satu sama lain.

Takhrij Hadis

Al-Baihaqi dalam Al-Sunan Al-Kubra, Kitab Al-Hajr, hadis no: 10527

Uthman bin Muhammad -> 'Abdul 'Aziz bin Muhammad Ad-Darawardi -> 'Amru bin Yahya al-Mazini -> Ayahnya (Yahya bin 'Imarah) -> Abu Sa'id al-Khudri r.a -> Rasulullah ﷺ

Imam al-Baihaqi berkata: Uthman bin Muhammad bersendirian dalam meriwayatkan hal ini daripada Ad-Darawardi

Sunan ad-Daraquthni, Kitab Fi al-Aqdhiyah wa al-Ahkam, hadis no: 3984

Al-Muwatta', Kitab al-Aqdhiyah, hadis no: 1406

'Amru bin Yahya Al-Mazini -> Ayahnya (Yahya bin 'Imarah) -> Rasulullah ﷺ (Mursal)

Sunan Ibn Majah, Kitab al-Ahkam, hadis no: 2340

'Abd Rabbihi bin Khalid -> Fudhail bin Sulaiman -> Musa bin 'Uqbah -> Ishaq bin Yahya -> 'Ubadah bin Al-Somit radiallahu -> Rasulullah ﷺ (Dhaif)

Sunan Ibn Majah, Kitab al-Ahkam, hadis no: 2341

Jabir bin Al-Ja'fi -> 'Ikrimah -> Ibn 'Abbas -> Rasulullah ﷺ (Dhaif)

Huraian hadis:

Terdapat dalil-dalil yang semisal seperti riwayat di atas:

عَنْ أَبِي صِرْمَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " مَنْ ضَارَّ ضَارَّ اللَّهُ بِهِ وَمَنْ شَاقَّ شَاقَّ اللَّهُ عَلَيْهِ

Daripada Abu Sirmah, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang memudharatkan, Allah akan memudharatkannya, sesiapa yang bersikap kasar, Allah akan kasar kepadanya. [Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Birri wa al-Silah, hadis no: 1940, hasan gharib]

Kenapakah diulang perkataan tersebut dalam satu hadis (لا ضَرَرَ ولا ضِرارَ)

Sebahagian ulama menyatakan bahawa kedua-duanya membawa maksud yang sama, ia diulangi sebagai untuk menguatkan lagi mesej yang ingin disampaikan. Sebahagian ulama pula menyatakan ia membawa maksud berbeza:

Larangan pertama (لا ضَرَرَ) : Larangan daripada memudharatkan orang lain untuk kemanfaatan diri sendiri.

Larangan kedua (ولا ضِرارَ): Larangan daripada memudharatkan orang lain dengan sesuatu yang tidak memberi manfaat pun kepada dirinya.

Ada pula ulama berkata:

Larangan pertama (لا ضَرَرَ) : Larangan memudharatkan orang lain sedangkan orang itu tidak memudharatkan kita.

Larangan kedua (ولا ضِرارَ): Larangan memudharatkan orang lain yang telah memudharatkan kita tetapi kita membalas dengan cara yang melampaui batas.

Hadis ini menunjukkan bahawa kita tidak dibenarkan menimbulkan sebarang kemudharatan kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain. Terdapat banyak hukum-hakam Islam yang berpaksikan larangan melakukan kemudharatan.

Wasiat untuk memudharatkan waris

Islam tidak membenarkan wasiat yang mana akan menyebabkan waris kepada si mati tidak mendapat haknya. Oleh kerana itu, Allah hanya membenarkan 1/3 sahaja daripada harta pusaka untuk diwasiatkan.

۞ وَلَكُمۡ نِصۡفُ مَا تَرَكَ أَزۡوَٰجُكُمۡ إِن لَّمۡ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٞۚ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٞ فَلَكُمُ
ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكۡنَۚ مِنۢ بَعۡدِ وَصِيَّةٖ يُوصِينَ بِهَآ أَوۡ دَيۡنٖۚ وَلَهُنَّ ٱلرُّبُعُ مِمَّا تَرَكۡتُمۡ إِن
لَّمۡ يَكُن لَّكُمۡ وَلَدٞۚ فَإِن كَانَ لَكُمۡ وَلَدٞ فَلَهُنَّ ٱلثُّمُنُ مِمَّا تَرَكۡتُمۚ مِّنۢ بَعۡدِ وَصِيَّةٖ
تُوصُونَ بِهَآ أَوۡ دَيۡنٖۗ وَإِن كَانَ رَجُلٞ يُورَثُ كَلَٰلَةً أَوِ ٱمۡرَأَةٞ وَلَهُۥٓ أَخٌ أَوۡ أُخۡتٞ فَلِكُلِّ
وَٰحِدٖ مِّنۡهُمَا ٱلسُّدُسُۚ فَإِن كَانُوٓاْ أَكۡثَرَ مِن ذَٰلِكَ فَهُمۡ شُرَكَآءُ فِي ٱلثُّلُثِۚ مِنۢ بَعۡدِ
وَصِيَّةٖ يُوصَىٰ بِهَآ أَوۡ دَيۡنٍ غَيۡرَ مُضَآرّٖۚ وَصِيَّةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٞ ١٢

Dan bagimu [suami-suami] seperdua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau [dan] sesudah dibayar hutangnya. Para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperlapan daripada harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau [dan] sesudah dibayar hutang-hutangmu. Jika seseorang mati, baik lelaki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki [seibu saja] atau seorang saudara perempuan [seibu saja], maka bagi masing-masing daripada kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih daripada seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya **dengan tidak memberi mudharat**

[kepada ahli waris]. [Allah menetapkan yang demikian itu sebagai] syari'at yang benar-benar dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun. [An-Nisa' : 12]

Oleh kerana itu para ulama membahaskan sama ada sah atau tidak wasiat yang dilakukan oleh seseorang ketika dia berada dalam keadaan nazak.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ حَدَّثَهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ الرَّجُلَ لَيَعْمَلُ وَالْمَرْأَةُ بِطَاعَةِ اللَّهِ سِتِّينَ سَنَةً ثُمَّ يَحْضُرُهُمَا الْمَوْتُ فَيُضَارَّانِ فِي الْوَصِيَّةِ فَتَجِبُ لَهُمَا النَّارُ "

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya seorang lelaki dan perempuan akan beramal dengan mentaati Allah selama enam puluh tahun, kemudian datang kepadanya maut, lalu mereka berdua melakukan kemudharatan pada wasiat mereka. Maka neraka pasti untuk mereka. [Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Wasaya, hadis no: 2117, hasan sahih gharib]

Antara cara memudharatkan waris ialah apabila seseorang mewasiatkan hartanya kepada warisnya bertujuan agar warisnya ini mendapat lebih harta daripada waris yang lain.

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَلاَ وَصِيَّةَ لِوَارِثٍ

Sesungguhnya Allah telah memberikan hak kepada setiap orang haknya. Tidak ada wasiat kepada waris. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Wasaya, hadis no: 2870, Shaikh al-Albani berkata: Hasan sahih]

عَنْ سَعْدِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ عَادَنِي رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَأَنَا مَرِيضٌ فَقَالَ " أَوْصَيْتَ " . قُلْتُ نَعَمْ . قَالَ " بِكَمْ " . قُلْتُ بِمَالِي كُلِّهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ . قَالَ " فَمَا تَرَكْتَ لِوَلَدِكَ " . قُلْتُ هُمْ أَغْنِيَاءُ بِخَيْرٍ . قَالَ " أَوْصِ بِالْعُشْرِ " . فَمَا زِلْتُ أُنَاقِصُهُ حَتَّى قَالَ " أَوْصِ بِالثُّلُثِ وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ " . قَالَ أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ وَنَحْنُ نَسْتَحِبُّ أَنْ يَنْقُصَ مِنَ الثُّلُثِ لِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ " .

Daripada Sa'ad bin Malik, beliau berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menziarahi ku ketika aku sakit, lalu beliau berkata: Adakah engkau telah melakukan wasiat? Aku menjawab: Ya. Baginda bertanya: Berapa? Aku menjawab: Keseluruhan harta ku di jalan Allah. Baginda bertanya: Apa yang kau tinggalkan untuk anak mu? Aku menjawab: Mereka semua kaya, dalam keadaan baik. Baginda berkata: Wasiatkanlah 1/10 sahaja. Baginda berterusan menyuruh aku mengurangkannya sehingga baginda berkata: 1/3 dan 1/3 itu sudah banyak. Abu Abdul Rahman berkata: Kami menggalakkan agar wasiat kurang daripada 1/3 kerana nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menyatakan: 1/3 sudah banyak. [Jami' at-Tirmizi, Kitab al-Janaiz, hadis no: 975, hasan sahih]

Seandainya seseorang mewasiatkan harta pusaka kepada warisnya, atau kepada bukan waris melebihi 1/3, maka ia hendaklah mendapat persetujuan kesemua waris jika wasiat itu mahu dilaksanakan. Menurut salah satu riwayat Malik, jika wasiat itu jelas bertujuan memudharatkan waris, walaupun mendapat persetujuan waris, maka wasiat itu terbatal.

Haramnya ruju’ untuk memudharatkan isteri

Sebelum kedatangan islam, talaq tidak mempunyai batasan jumlahnya. Maka sebahagian suami menjadikan ia sebagai alat untuk memudharatkan isterinya. Si suami akan menceraikan isteri dan apabila hampir tamat masa ‘iddah, dia akan merujuk kembali. Kemudian dia akan melakukan hal yang sama lagi dan meruju’ kembali. Oleh kerana itu Islam membataskan talaq kepada tiga kali sahaja.

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ ۚ وَلَا
تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا۟ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُۥ ۚ وَلَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ هُزُوًا
ۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَآ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْحِكْمَةِ يَعِظُكُم بِهِۦ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ
وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٣١﴾

Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu mereka mendekati akhir iddahnya, maka rujukilah mereka dengan cara yang ma’ruf, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang ma’ruf [pula]. Janganlah kamu rujuki mereka untuk memberi kemudharatan, kerana dengan demikian kamu menganiaya mereka [1]. Barangsiapa berbuat demikian, maka sungguh dia telah berbuat zalim terhadap dirinya sendiri. Janganlah kamu jadikan hukum-hukum Allah sebagai permainan. Dan ingatlah nikmat Allah padamu, dan apa yang telah diturunkan Allah kepadamu iaitu Al Kitab [Al Qur’an] dan Al Hikmah [As Sunnah]. Allah memberi pengajaran kepadamu dengan apa yang diturunkan-Nya itu. Dan bertakwalah kepada Allah serta ketahuilah bahwasanya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. [Al-Baqarah : 231]

Mazhab Malik berpendapat, jika seseorang mentalaq isterinya, dan apabila hampir tamat Iddah dia merujuk kembali. Kemudian dia mentalaq isterinya sebelum dia menyentuh isterinya, jika niat talaq yang kedua itu memudharatkan isterinya dengan tujuan memanjangkan lagi tempoh iddah, maka masa iddah ialah masa selepas talaq yang pertama sahaja dan tidak berlaku iddah yang baru. Inilah juga pendapat yang dipegang Atho’, Qatadah, Al-Syafie dalam pendapat lama dan salah satu riwayat Ahmad. Manakala kebanyakan ulama menyatakan ia memerlukan iddah yang baru.

Al-Ila’ : Suami tidak menggauli isteri selama 4 bulan

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِن فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾ وَإِنْ
عَزَمُوا۟ ٱلطَّلَٰقَ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾

Kepada orang-orang yang meng-ilaa’ isterinya diberi tangguh empat bulan [lamanya]. Kemudian jika mereka kembali [kepada isterinya], maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (226) Dan jika mereka berazam [bertetap hati untuk] talak, maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (227) [Al-Baqarah : 226-227]

Al-Ila’ bermaksud seorang suami bersumpah untuk tidak menggauli isterinya. Tempoh masanya adalah selama 4 bulan. Jika sampai tempoh 4 bulan dan isteri masih tidak digauli, maka sebahagian ulama menyatakan bahawa hubungan suami isteri mereka terpisah.

Menghalang isteri menyusukan anak

۞ وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ ۚ وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُۥ
رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَا تُضَآرَّ وَٰلِدَةٌۢ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ
لَّهُۥ بِوَلَدِهِۦ ۚ وَعَلَى ٱلْوَارِثِ مِثْلُ ذَٰلِكَ ۗ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَن تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْهِمَا ۗ وَإِنْ أَرَدتُّمْ أَن تَسْتَرْضِعُوٓا۟ أَوْلَٰدَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُم مَّآ ءَاتَيْتُم بِٱلْمَعْرُوفِ
ۗ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٣٣﴾

Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma’ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Janganlah seorang ibu mengalami kemudharatan kerana anaknya dan juga seorang ayah kerana anaknya, dan warispun berkewajipan demikian. Apabila keduanya ingin menghentikan susuan [sebelum dua tahun] dengan kerelaan keduanya dan permusyawaratan, maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan. [Al-Baqarah : 233]

قال مجاهد (2) في قوله : { لا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا } قال : لا يَمنع أمه أن تُرضِعَه ليحزُنَها

Mujahid menafsirkan firmannya: (Janganlah seorang ibu mengalami kemudharatan kerana anaknya) bermkasud: Janganlah seseorang menghalang ibunya daripada menyusukan anaknya untuk menyebabkan dia berasa sedih.

(وَلا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ) : (Janganlah seorang ayah mengalami kemudharatan kerana anaknya)

iaitu apabila seorang wanita yang sudah ditalaq ingin menyusukan anaknya, dia berhak meminta upah daripada bekas suaminya. Suaminya wajib memberikan pada kadar yang biasa yang diberikan. Akan tetapi jika bekas isteri ini meminta upah yang berlebihan sehingga memudharatkan si bapa, maka si bapa berhak memberikan anak ini kepada wanita lain untuk disusukan apabila upah kepada wanita lain itu lebih munasabah.

Hadis 24- Haramnya Kezaliman

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم فِيمَا رَوَى عَنِ اللَّهِ، تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنَّهُ قَالَ " يَا عِبَادِي إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا فَلاَ تَظَالَمُوا

Abu Dzar radiallahu ‘anhu meriwayatkan daripada Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam, Allah berfirman: Wahai hamba-hamba Ku. Sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman ke atas diri Ku dan Aku Menjadikan ia haram di antara kalian. Janganlah kalian saling menzalimi.

يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلاَّ مَنْ هَدَيْتُهُ فَاسْتَهْدُونِي

Wahai hamba-hamba Ku. Kalian semua adalah sesat kecuali sesiapa yang Aku telah berikan hidayah kepadanya. Mohonlah hidayah daripada ku, nescaya Aku akan memberi hidayah kepada kalian.

أَهْدِكُمْ يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ جَائِعٌ إِلاَّ مَنْ أَطْعَمْتُهُ فَاسْتَطْعِمُونِي أُطْعِمْكُمْ

Wahai hamba-hamba Ku. Kalian semua dalam kelaparan kecuali sesiapa yang Aku telah berikan makanan. Mohonlah makanan daripada Ku, nescaya Aku akan memberi kepada kalian makanan.

يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ عَارٍ إِلاَّ مَنْ كَسَوْتُهُ فَاسْتَكْسُونِي أَكْسُكُمْ

Wahai hamba-hamba Ku. Kalian semua adalah dalam keadaan telanjang kecuali sesiapa yang Aku telah berikan pakaian. Mohonlah pakaian daripada Ku nescaya Aku akan memberikan pakaian kepada kalian.

يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ تُخْطِئُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَأَنَا أَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا فَاسْتَغْفِرُونِي أَغْفِرْ لَكُمْ

Wahai hamba-hamba Ku. Sesungguhnya kalian berdosa di malam dan siang hari, sedangkan Aku mengampuni dosa kesemuanya. Mohonlah keampunan Ku, nescaya Aku akan mengampuni kalian.

يَا عِبَادِي إِنَّكُمْ لَنْ تَبْلُغُوا ضَرِّي فَتَضُرُّونِي وَلَنْ تَبْلُغُوا نَفْعِي فَتَنْفَعُونِي

Wahai hamba-hamba Ku. Sesungguhnya kalian tidak mampu memudharatkan Aku dan tidak mampu memberi manfaat kepada Ku.

يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ كَانُوا عَلَى أَتْقَى قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئًا

Wahai hamba-hamba Ku. Seandainya yang paling awal daripada kalian, yang paling akhir daripada kalian, manusia dan jin kesemuanya menjadi bertaqwa dalam hati seorang manusia daripada kalian, ia tidak menambahkan sedikit pun pada Kekuasaan Ku.

يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ كَانُوا عَلَى أَفْجَرِ قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي شَيْئًا

Wahai hamba-hamba Ku. Sesandainya yang paling awal daripada kalian dan yang paling akhir, manusia dan jin kesemua menjadi jahat dalam hati seorang manusia daripada kalian, ia tidak dapat mengurangkan sedikit pun daripada Kekuasaan Ku.

يَا عِبَادِي لَوْ أَنَّ أَوَّلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنَّكُمْ قَامُوا فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ فَسَأَلُونِي فَأَعْطَيْتُ كُلَّ إِنْسَانٍ مَسْأَلَتَهُ مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِمَّا عِنْدِي إِلاَّ كَمَا يَنْقُصُ الْمِخْيَطُ إِذَا أُدْخِلَ الْبَحْرَ

Wahai hamba-hamba Ku. Jika yang paling awal daripada kalian dan yang paling akhir, manusia dan jin kesemuanya menjadi satu lalu mereka memohon kepada Ku, nescaya Aku berikan kepada setiap insan permohonannya. Ia tidak mengurangkan sedikit pun daripada milik Ku kecuali seperti apa yang kurang daripada laut apabila jarum dimasukkan ke dalamnya.

يَا عِبَادِي إِنَّمَا هِيَ أَعْمَالُكُمْ أُحْصِيهَا لَكُمْ ثُمَّ أُوَفِّيكُمْ إِيَّاهَا فَمَنْ وَجَدَ خَيْرًا فَلْيَحْمَدِ اللَّهَ وَمَنْ وَجَدَ غَيْرَ ذَلِكَ فَلاَ يَلُومَنَّ إِلاَّ نَفْسَهُ " .

Wahai hamba-hamba Ku. Sesungguhnya ini adalah amalan-amalan kalian. Aku mengiranya untuk kalian, kemudian Aku menunaikan untuk kalian balasannya. Sesiapa yang mendapat kebaikan, pujilah Allah. Sesiapa yang mendapat selain itu, janganlah dia menyalahkan orang lain kecuali dirinya sendiri.

[Sahih Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, hadis no: 2577]

Huraian hadis

Allah telah menafikan sifat kezaliman daripada dirinya. Ini disebutkan dalam banyak ayat-ayat al-Quran.

وَمَآ أَنَا۠ بِظَلَّٰمٖ لِّلۡعَبِيدِ ٢٩

Tidaklah aku menzalimi hamba-hamba Ku. [Qaf : 29]

وَمَا ٱللَّهُ يُرِيدُ ظُلۡمٗا لِّلۡعِبَادِ ٣١

Tidaklah Allah mengkehendaki kezaliman kepada hamba-hambaNya [Ghafir : 31]

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظۡلِمُ ٱلنَّاسَ شَيۡـٔٗا وَلَٰكِنَّ ٱلنَّاسَ أَنفُسَهُمۡ يَظۡلِمُونَ ٤٤

Sesungguhnya Allah tidak menzalimi manusia sedikit pun. Akan tetapi manusia lah yang menzalimi diri mereka sendiri. [Yunus : 44]

وَمَن يَعۡمَلۡ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤۡمِنٞ فَلَا يَخَافُ ظُلۡمٗا وَلَا هَضۡمٗا ١١٢

Sesiapa yang melakukan amal soleh dalam keadaan beriman. Janganlah dia takut akan kezaliman atau dikurangnya pahala. [Taha : 112]

Apakah maksud kezaliman?

Kebanyakan ulama menyatakan:

بأنَّه وضعُ الأشياءِ في غير موضعها

Meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya.

Haram melakukan kezaliman

Allah bukan sekadar mengharamkan manusia daripada menzalimi orang lain, manusia juga diharamkan daripada menzalimi diri sendiri.

Menzalimi diri sendiri

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ . رضى الله عنه . قَالَ لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الآيَةُ {الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ} شَقَّ ذَلِكَ عَلَى أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَقَالُوا أَيُّنَا لَمْ يَلْبِسْ إِيمَانَهُ بِظُلْمٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِنَّهُ لَيْسَ بِذَاكَ، أَلاَ تَسْمَعُ إِلَى قَوْلِ لُقْمَانَ لاِبْنِهِ {إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ}"

Daripada Abdullah radiallahu ‘anhu, beliau berkata: Ketika turunnya ayat ini: (iaitu orang-orang yang beriman dan tidak mencampurkan iman mereka dengan kezaliman [Al-An’am :82]). Timbul perasaan susah hati pada sahabat-sahabat nabi. Mereka pun bertanya: Siapa di antara kami yang tidak pernah mencampur adukkan imannya dengan kezaliman. Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Sesungguhnya bukan itu maksudnya. Tidakkah pernah kalian mendengar perkataan Luqman kepada anaknya (Sesungguhnya syirik itu kezaliman yang besar). [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tafsir, hadis no: 4776]

وَإِذۡ قَالَ لُقۡمَٰنُ لِٱبۡنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَيَّ لَا تُشۡرِكۡ بِٱللَّهِۖ إِنَّ ٱلشِّرۡكَ لَظُلۡمٌ عَظِيمٞ



Tatkala Luqman berkata dan menasihati anaknya: Wahai anak ku. Janganlah engkau mensyirikkan Allah. sesungguhnya syirik kezaliman yang besar [Luqman : 13]

Orang yang syirik telah meletakkan Allah pada tahap yang lebih rendah daripada yang sepatutnya, dan dia telah meletakkan martabat makhluk melebihi yang sepatutnya. Oleh kerana itu syirik dianggap satu kezaliman, bahkan ia kezaliman yang paling besar.

Banyak dalil-dalil dalam al-Quran yang menyebut perkataan zalim merujuk kepada kesyirikan.

وَٱلۡكَٰفِرُونَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

Dan orang-orang kafir itu, merekalah orang-orang yang zalim [Al-Baqarah : 254]

Begitu juga semua dosa-dosa yang kita lakukan merupakan bentuk kezaliman kepada diri sendiri.

Menzalimi makhluk lain

Jenis kezaliman inilah yang dimaksudkan dengan hadis di atas. Ia disebut dalam banyak hadis-hadis yang lain.

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرَةَ، عَنْ أَبِيهِ، ذَكَرَ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم قَعَدَ عَلَى بَعِيرِهِ، وَأَمْسَكَ إِنْسَانٌ بِخِطَامِهِ أَوْ بِزِمَامِهِ . قَالَ " أَىُّ يَوْمٍ هَذَا ". فَسَكَتْنَا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ سِوَى اسْمِهِ. قَالَ " أَلَيْسَ يَوْمَ النَّحْرِ ". قُلْنَا بَلَى. قَالَ " فَأَىُّ شَهْرٍ هَذَا ". فَسَكَتْنَا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ بِغَيْرِ اسْمِهِ. فَقَالَ " أَلَيْسَ بِذِي الْحِجَّةِ ". قُلْنَا

بَلَى. قَالَ " فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا، فِي شَهْرِكُمْ هَذَا، فِي بَلَدِكُمْ هَذَا. لِيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ، فَإِنَّ الشَّاهِدَ عَسَى أَنْ يُبَلِّغَ مَنْ هُوَ أَوْعَى لَهُ مِنْهُ ".

Daripada Abdul Rahman bin Abi Bakrah, daripada ayahnya: Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam sedang menunggang untanya, dan seorang lelaki memegang talinya. Baginda bertanya: Hari ini hari apa? Kami semua mendiamkan diri sehingga kami menyangka baginda akan memberikan nama baru untuk hari tersebut. Baginda bertanya: Bukankah hari ini hari an-Nahr? Kami menjawab: Ya. Baginda bertanya: Bulan apa kah ini? Kami mendiamkan diri sehingga kami menyangka baginda akan memberikan nama baru untuk bulan itu. Baginda pun berkata: Bukankah ini bulan Dzulhijjah? Kami menjawab: Ya. Baginda berkata: Sesungguhnya darah kalian, harta kalian, maruah kalian, adalah haram antara kalian semua sebagaimana haramnya hari kalian ini, bulan kalian ini di bumi kalian ini. Hendaklah yang hadir ini menyampaikan hal ini kepada yang tidak hadir. Boleh jadi yang hadir akan menyampaikan kepada orang yang lebih faham. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Ilm, hadis no: 67]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ . رضى الله عنهما . عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " الظُّلْمُ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhuma, Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kezaliman merupakan kegelapan di hari Kiamat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Mazolim, hadis no: 2447]

عَنْ أَبِي مُوسَى . رضى الله عنه . قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " إِنَّ اللَّهَ لَيُمْلِي لِلظَّالِمِ حَتَّى إِذَا أَخَذَهُ لَمْ يُفْلِتْهُ "

Daripada Abu Musa radiallahu ‘anhu, Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya Allah memberikan tempoh masa kepada orang yang zalim, sehingga apabila Allah menghukumnya, Allah tidak akan melepaskannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tafsir, hadis no: 4686]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " مَنْ كَانَتْ عِنْدَهُ مَظْلَمَةٌ لأَخِيهِ فَلْيَتَحَلَّلْهُ مِنْهَا، فَإِنَّهُ لَيْسَ ثَمَّ دِينَارٌ وَلاَ دِرْهَمٌ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُؤْخَذَ لأَخِيهِ مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَسَنَاتٌ أُخِذَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَخِيهِ، فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ ".

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesiapa yang ada menzalimi saudaranya, hendaklah dia memohon maaf daripadanya. Sesungguhnya (di akhirat kelak) tiadanya dinar atau dirham. (Hendaklah dia memohon maaf) sebelum nanti diambil kebaikannya lalu diberi kepada saudaranya. Seandainya dia

tidak mempunyai kebaikan, akan diambil dosa saudaranya lalu dibebankan kepadanya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, hadis no: 6534]

Manusia insan yang faqir

Hadis di atas menunjukkan manusia insan yang faqir yang sentiasa memerlukan kepada Allah. Hal ini pernah disebutkan oleh Nabi Ibrahim ‘alaihissalam:

قَالَ أَفَرَءَيۡتُم مَّا كُنتُمۡ تَعۡبُدُونَ ﴿٧٥﴾ أَنتُمۡ وَءَابَآؤُكُمُ ٱلۡأَقۡدَمُونَ ﴿٧٦﴾ فَإِنَّهُمۡ عَدُوّٞ لِّيٓ إِلَّا
رَبَّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٧٧﴾ ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهۡدِينِ ﴿٧٨﴾ وَٱلَّذِى هُوَ يُطۡعِمُنِى وَيَسۡقِينِ ﴿٧٩﴾ وَإِذَا
مَرِضۡتُ فَهُوَ يَشۡفِينِ ﴿٨٠﴾ وَٱلَّذِى يُمِيتُنِى ثُمَّ يُحۡيِينِ ﴿٨١﴾ وَٱلَّذِىٓ أَطۡمَعُ أَن يَغۡفِرَ لِى
خَطِيٓـَٔتِى يَوۡمَ ٱلدِّينِ ﴿٨٢﴾

Ibrahim berkata: Adakah kamu telah memerhatikan apa yang selalu kamu sembah, (75) kamu dan nenek moyang kamu yang dahulu?, (76) kerana sesungguhnya apa yang kamu sembah itu adalah musuhku, kecuali Tuhan semesta alam, (77) Yang telah menciptakan aku, maka Dialah yang memberi aku hidayah, (78) dan Tuhanku, Yang Dia memberi makan dan minum kepadaku, (79) dan apabila aku sakit, Dialah Yang menyembuhkan aku, (80) dan Yang akan mematikan aku, kemudian akan menghidupkan aku [kembali], (81) dan Yang amat kuinginkan akan mengampuni kesalahanku pada hari kiamat". (82) [Al-Syuara’ : 75-82]

Allah yang berkuasa memberikan hidayah

مَن يَهۡدِ ٱللَّهُ فَهُوَ ٱلۡمُهۡتَدِۖ وَمَن يُضۡلِلۡ فَلَن تَجِدَ لَهُۥ وَلِيّٗا مُّرۡشِدٗا ﴿١٧﴾

Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat petunjuk; dan barangsiapa yang disesatkan-Nya, maka kamu tidak akan mendapatkan seorang pemimpinpun yang dapat memberi petunjuk kepadanya. [Al-Kahf : 17]

Oleh kerana itu kita disuruh memohon hidayah kepada Allah.

ٱهۡدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلۡمُسۡتَقِيمَ ﴿٦﴾

Tunjukkanlah kami jalan yang lurus [Al-Fatihah : 6]

Hadis di bawah menerangkan apakah jalan yang lurus itu.

عَنْ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ الأَنْصَارِيِّ ، عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلاً صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا ، وَعَلَى جَنْبَتَيْ الصِّرَاطِ سُورَانِ ، فِيهِمَا أَبْوَابٌ مُفَتَّحَةٌ ، وَعَلَى الأَبْوَابِ سُتُورٌ مُرْخَاةٌ ، وَعَلَى بَابِ الصِّرَاطِ دَاعٍ يَقُولُ : أَيُّهَا النَّاسُ ، ادْخُلُوا الصِّرَاطَ جَمِيعًا ، وَلاَ تَتَعَرَّجُوا ، وَدَاعٍ يَدْعُو مِنْ فَوْقِ الصِّرَاطِ ، فَإِذَا أَرَادَ يَفْتَحُ شَيْئًا مِنْ تِلْكَ الأَبْوَابِ ، قَالَ : وَيْحَكَ لاَ تَفْتَحْهُ ، فَإِنَّكَ إِنْ تَفْتَحْهُ تَلِجْهُ ، وَالصِّرَاطُ الإِسْلاَمُ ، وَالسُّورَانِ : حُدُودُ اللهِ ، وَالأَبْوَابُ الْمُفَتَّحَةُ : مَحَارِمُ اللهِ ، وَذَلِكَ الدَّاعِي عَلَى رَأْسِ الصِّرَاطِ : كِتَابُ اللهِ ، وَالدَّاعِي مِنِ فَوْقَ الصِّرَاطِ : وَاعِظُ اللهِ فِي قَلْبِ كُلِّ مُسْلِمٍ.

Daripada an-Nawas bin Sam’an al-Ansori, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Allah membuat perumpamaan tentang jalan yang lurus. Pada kedua sisinya terdapat tembok yang memiliki pintu-pintu terbuka, tetapi pada pintu-pintu itu ada tirai yang menutupinya. Sementara pada pintu masuk jalan itu ada seseorang penyeru yang berkata: Wahai manusia masuklah kalian semua ke jalan ini dan jangan menyimpang darinya, dan diatas jalan juga ada penyeru yang setiap kali ada yang mahu membuka pintu-pintu, maka penyeru itu berkata: Celakalah kamu, janganlah kamu buka pintu itu, sesungguhnya jika kamu membukanya maka kamu akan masuk kedalamnya. Jalan itu adalah agama islam, dua tembok itu adalah batasan-batasan (hukum-hakam)Allah, pintu-pintu yang terbuka itu adalah sesuatu yang diharamkan Allah, sedangkan penyeru yang di depan pintu adalah Kitabullah, sedang penyeru yang ada di atas jalan adalh nasihat allah yang berada di dalam hati setiap Muslim.

[Musnad Ahmad, Hadis an-Nawas bin Sam;an,, hadis no: 17784. Shaikh Syu’aib berkata: Hadis sahih, sanadnya hasan]

عَنْ أَنَسٍ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكْثِرُ أَنْ يَقُولَ : " يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ ، ثَبِّتْ قَلْبِي عَلَى دِينِكَ " ، فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، آمَنَّا بِكَ وَبِمَا جِئْتَ بِهِ فَهَلْ تَخَافُ عَلَيْنَا ؟ قَالَ : " نَعَمْ ، إِنَّ الْقُلُوبَ بَيْنَ أُصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ يُقَلِّبُهَا كَيْفَ يَشَاءُ"

Anas radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam kerap membaca (doa di atas). Lalu aku bertanya: Ya Rasulullah, kami beriman kepada engkau dan apa yang engkau bawa. Adakah engkau ada rasa takut/khuatir ke atas kami? Baginda menjawab: Ya. Sesungguhnya hati-hati ini berada di antara dua jari daripada jari jemari Allah. dia akan akan membolak-balikkan ia sebagaimana yang Dia kehendaki [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Qadr, hadis no: 2066, hadis hasan]

رَبَّنَا لَا تُزِغۡ قُلُوبَنَا بَعۡدَ إِذۡ هَدَيۡتَنَا وَهَبۡ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحۡمَةًۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡوَهَّابُ ٨

Tuhan kami, janganlah Engkau pesongkan hati kami selepas Engkau memberi petunjuk kepada kami. Kurniakanlah kepada kami rahmat Mu. Sesungguhnya Engkau Maha Pemberi Kurniaan. [Ali 'Imran : 8]

Allah yang berkuasa memberikan rezeki

۞ وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِي ٱلۡأَرۡضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزۡقُهَا وَيَعۡلَمُ مُسۡتَقَرَّهَا وَمُسۡتَوۡدَعَهَاۚ كُلٌّ فِي كِتَٰبٖ مُّبِينٖ ﴿٦﴾

Dan tidak ada suatu binatang melata pun di bumi melainkan Allah-lah yang memberi rezekinya, dan Dia mengetahui tempat berdiam binatang itu dan tempat penyimpanannya. Semuanya tertulis dalam kitab yang nyata [Lauh Mahfuzh]. [Hud : 6]

إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلرَّزَّاقُ ذُو ٱلۡقُوَّةِ ٱلۡمَتِينُ ﴿٥٨﴾

Sesungguhnya Allah Dialah Maha Pemberi rezeki Yang Mempunyai Kekuatan lagi Sangat Kukuh. [Adz-Dzariyat : 58]

Allah yang berkuasa mengampuni dosa

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمۡنَآ أَنفُسَنَا وَإِن لَّمۡ تَغۡفِرۡ لَنَا وَتَرۡحَمۡنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡخَٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

Mereka berdua berkata: Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri. Jika Engkau tidak mengampuni kami dan tidak merahmati kami, nescaya kami akan menjadi orang-orang yang rugi [Al-A'raf : 23]

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa menyekutukannya, dan mengampuni dosa-dosa selain itu untuk sesiapa yang Dia Kehendaki. Sesiapa yang menyekutukan Allah, sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar. [An-Nisa' : 48]

حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : " قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى : يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجَوْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ عَلَى مَا كَانَ فِيكَ وَلَا أُبَالِي ، يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ بَلَغَتْ ذُنُوبُكَ عَنَانَ

السَّمَاءِ ثُمَّ اسْتَغْفَرْتَنِي غَفَرْتُ لَكَ وَلاَ أُبَالِي ، يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الأَرْضِ خَطَايَا ثُمَّ لَقِيتَنِي لاَ تُشْرِكُ بِي شَيْئًا لأَتَيْتُكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ ، لاَ نَعْرِفُهُ إِلاَّ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ.

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Allah berkata: Wahai anak Adam. Selagi mana engkau berdoa dan mengharapan kepada Ku, nescaya Aku ampuni apa sahaja yang engkau lakukan, Aku tidak kisah. Wahai anak Adam. Jika dosa mu melangit tinggi, kemudia engkau memohon keampunan Ku, Aku akan ampuni diri mu, Aku tidak kisah. ***Wahai anak Adam, seandainya engkau datang kepada ku dengan dosa seluas bumi, dan engkau bertemu dengan Aku dalam keadaan engkau tidak mensyirikkan Aku dengan sesuatu apa pun, nescaya Aku akan datang kepada mu dengan seluas keampunan.***

[Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Daawat, hadis no: 3491, hasan gharib]

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " وَاللَّهِ إِنِّي لأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً ".

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Demi Allah, sesungguhnya aku beristigfar dan bertaubat kepada Allah dalam sehari lebih banyak daripada tujuh puluh kali.

[Sahih al-Bukhari, Kitab ad-Da’awat, hadis no: 6307]

ابْن عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " يَا أَيُّهَا النَّاسُ تُوبُوا إِلَى اللَّهِ فَإِنِّي أَتُوبُ فِي الْيَوْمِ إِلَيْهِ مِائَةَ مَرَّةٍ " .

Ibn ‘Umar berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Wahai manusia. Bertaubatlah kepada Allah. sesungguhnya aku bertaubat kepadanya seratus kali dalam sehari.

[Sahih Muslim, Kitab ad-Dzikr wa ad-Dua’ wa at-Taubat wa al-Istighfar, hadis no: 6523]

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Aku mendengar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ عَبْدًا أَصَابَ ذَنْبًا ، وَرُبَّمَا قَالَ : أَذْنَبَ ذَنْبًا ، فَقَالَ : رَبِّ أَذْنَبْتُ ، وَرُبَّمَا قَالَ : أَصَبْتُ ، فَاغْفِرْ لِي ، فَقَالَ رَبُّهُ : أَعَلِمَ عَبْدِي أَنَّ لَهُ رَبًّا يَغْفِرُ الذَّنْبَ وَيَأْخُذُ بِهِ ، غَفَرْتُ لِعَبْدِي ،

Sesungguhnya seorang hamba melakukan dosa lalu dia berkata: Ya tuhan, aku telah berdosa. Ampuni diri ku. Lalu Allah menjawab: Adakah hamba ku tahu bahawa dia

mempunyai Tuhan yang akan mengampuni dan menghukum dosanya? Aku telah mengampuni hamba ku.

ثُمَّ مَكَثَ مَا شَاءَ اللَّهُ ، ثُمَّ أَصَابَ ذَنْبًا أَوْ أَذْنَبَ ذَنْبًا ، فَقَالَ : رَبِّ ، أَذْنَبْتُ أَوْ أَصَبْتُ آخَرَ ، فَاغْفِرْهُ ، فَقَالَ : أَعَلِمَ عَبْدِي أَنَّ لَهُ رَبًّا يَغْفِرُ الذَّنْبَ وَيَأْخُذُ بِهِ ، غَفَرْتُ لِعَبْدِي ،

Kemudian berlalulah masa sehingga orang itu melakukan dosa lagi. Lalu dia berdoa: Tuhan ku, aku telah berdosa. Ampunilah dosa ini. Lalu Allah berkata: Adakah hamba ku mengetahui bahawa dia memiliki Tuhan yang mengampuni dosa dan menghukum dosa itu? Aku telah mengampuni hamba ku.

ثُمَّ مَكَثَ مَا شَاءَ اللَّهُ ، ثُمَّ أَذْنَبَ ذَنْبًا ، وَرُبَّمَا قَالَ : أَصَابَ ذَنْبًا ، قَالَ : قَالَ رَبِّ ، أَصَبْتُ أَوْ قَالَ أَذْنَبْتُ آخَرَ : فَاغْفِرْهُ لِي ، فَقَالَ : أَعَلِمَ عَبْدِي أَنَّ لَهُ رَبًّا يَغْفِرُ الذَّنْبَ وَيَأْخُذُ بِهِ ، غَفَرْتُ لِعَبْدِي ثَلَاثًا ، فَلْيَعْمَلْ مَا شَاءَ

Kemudian berlalulah masa sehingga orang itu melakukan dosa lagi. Lalu dia berdoa: Tuhan ku, aku telah berdosa. Ampunilah dosa ini. Lalu Allah berkata: Adakah hamba ku mengetahui bahawa dia memiliki Tuhan yang mengampuni dosa dan menghukum dosa itu? Aku telah mengampuni hamba ku. sebanyak tiga kali. Maka biarlah dia lakukan apa yang dia kehendaki. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tauhid, hadis no: 6976]

Tiada yang mampu memberi manfaat atau mudharat kepada Allah

وَلَا يَحْزُنكَ ٱلَّذِينَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْكُفْرِ ۚ إِنَّهُمْ لَن يَضُرُّوا۟ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ يُرِيدُ ٱللَّهُ أَلَّا يَجْعَلَ لَهُمْ حَظًّا فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٧٦﴾

Janganlah kamu disedihkan oleh orang-orang yang segera menjadi kafir; sesungguhnya mereka tidak sekali-kali dapat memberi mudharat kepada Allah sedikitpun. Allah berkehendak tidak akan memberi sesuatu bahagian [daripada pahala] kepada mereka di hari akhirat, dan bagi mereka azab yang besar. [Ali ‘Imran : 176]

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ ٱلرُّسُلُ ۚ أَفَإِي۟ن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ ٱنقَلَبْتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ ۚ وَمَن يَنقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ ٱللَّهَ شَيْـًٔا ۗ وَسَيَجْزِى ٱللَّهُ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿١٤٤﴾

Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul. Adakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang [murtad]? Barangsiapa yang berbalik ke belakang, maka dia tidak dapat mendatangkan

mudharat kepada Allah sedikitpun; dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur. [Ali 'Imran : 144]

Allah yang maha menerima doa

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِيٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ٦٠

Dan Tuhanmu berfirman: Berdoalah kepada Ku, nescaya akan Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada menyembah Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan yang hina [Ghafir : 60]

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ ٱلدَّاعِ إِذَا دَعَانِۖ فَلْيَسْتَجِيبُواْ لِي وَلْيُؤْمِنُواْ بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ١٨٦.

Dan apabila hamba-hamba Ku bertanya kepada mu tentang Aku, maka [jawablah], bahawa Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila dia memohon kepada Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi [segala perintah] Ku dan hendaklah mereka beriman kepada Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran. [Al-Baqarah :186]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمَ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الدُّعَاءِ " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan bahawa Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Tiada sesuatu yang lebih mulia di sisi Allah daripada doa.

[Sunan at-Tirmizi, Kitab ad-Da'awat, hadis no: 3316, hasan gharib]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَعْجَزُ النَّاسِ مَنْ عَجَزَ فِي الدُّعَاءِ ، وَأَبْخَلُ النَّاسِ مَنْ بَخِلَ بِالسَّلامِ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Manusia yang paling lemah, ialah yang tidak mampu berdoa. Yang paling kedekut kepada manusia ialah yang kedekut dalam memberi salam. [At-Thabrani dalam Al-Mu'jam Al-

Awshat, Bab al-Mim, hadis no: 5737. Shaikh al-Albani mensahihkannya dalam Al-Silsilah Al-Sahihah]

Setiap amalan akan dibalas

Allah menjanjikan bahawa setiap amalan manusia tidak kira besar atau kecil akan tetap dibalas oleh Allah.

فَمَن يَعۡمَلۡ مِثۡقَالَ ذَرَّةٍ خَيۡرٗا يَرَهُۥ ٧ وَمَن يَعۡمَلۡ مِثۡقَالَ ذَرَّةٖ شَرّٗا يَرَهُۥ ٨

Sesiapa yang melakukan kebaikan walau seberat zarah, dia akan melihatnya (7) Sesiapa yang melakukan kejahatan walau seberat zarah, dia akan melihatnya (8) [Al-Zalzalah :7-8]

وَوُضِعَ ٱلۡكِتَٰبُ فَتَرَى ٱلۡمُجۡرِمِينَ مُشۡفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَٰوَيۡلَتَنَا مَالِ هَٰذَا ٱلۡكِتَٰبِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةٗ وَلَا كَبِيرَةً إِلَّآ أَحۡصَىٰهَاۚ وَوَجَدُواْ مَا عَمِلُواْ حَاضِرٗاۗ وَلَا يَظۡلِمُ رَبُّكَ أَحَدٗا



Dan diletakkanlah kitab, lalu kamu akan melihat orang-orang yang bersalah ketakutan terhadap apa yang [tertulis] di dalamnya, dan mereka berkata: "Aduhai celaka kami, kitab apakah ini yang tidak meninggalkan yang kecil dan tidak [pula] yang besar, melainkan ia mencatat semuanya; dan mereka dapati apa yang telah mereka kerjakan ada [tertulis]. Dan Tuhanmu tidak menganiaya seorang jua pun". [Al-Kahf : 49]

يَوۡمَ تَجِدُ كُلُّ نَفۡسٖ مَّا عَمِلَتۡ مِنۡ خَيۡرٖ مُّحۡضَرٗا وَمَا عَمِلَتۡ مِن سُوٓءٖ تَوَدُّ لَوۡ أَنَّ بَيۡنَهَا وَبَيۡنَهُۥٓ أَمَدَۢا بَعِيدٗاۗ وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفۡسَهُۥۗ وَٱللَّهُ رَءُوفُۢ بِٱلۡعِبَادِ ٣٠

Pada hari ketika tiap-tiap diri mendapati segala kebajikan dihadapkan [di mukanya], begitu [juga] kejahatan yang telah dikerjakannya; dia ingin kalau sekiranya antara dia dengan hari itu ada masa yang jauh; dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri [seksa]-Nya. Dan Allah sangat Penyayang kepada hamba-hamba-Nya. (30)

Hadis 7: Agama Adalah Nasihat

عَنْ تَمِيمٍ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " الدِّينُ النَّصِيحَةُ " قُلْنَا لِمَنْ قَالَ " لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ " .

Tamim ad-Dari radiallahu ‘anhu meriwayatkan Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Agama adalah nasihat. Kami bertanya: Untuk siapa? Baginda menjawab: Untuk Allah, kitabNya, rasulNya, pemimpin-pemimpin umat Islam dan masyarakat amnya. [Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 55]

Hadis 34- Mengubah Kemungkaran

عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ، – وَهَذَا حَدِيثُ أَبِي بَكْرٍ – قَالَ أَوَّلُ مَنْ بَدَأَ بِالْخُطْبَةِ يَوْمَ الْعِيدِ قَبْلَ الصَّلاَةِ مَرْوَانُ فَقَامَ إِلَيْهِ رَجُلٌ فَقَالَ الصَّلاَةُ قَبْلَ الْخُطْبَةِ . فَقَالَ قَدْ تُرِكَ مَا هُنَالِكَ . فَقَالَ أَبُو سَعِيدٍ أَمَّا هَذَا فَقَدْ قَضَى مَا عَلَيْهِ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ : مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Thoriq bin Syihab meriwayatkan: Orang yang pertama kali memulakan khutbah pada hari raya sebelum mendirikan solat (raya) ialah Marwan. Lalu seorang lelaki berdiri menegurnya. Lelaki itu berkata: Solat sebelum khutbah. Marwan menjawab: Hal ini telah lama ditinggalkan. Abu Sa’id berkata: Lelaki tadi telah menunaikan kewajipannya. Aku mendengar Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda : : Sesiapa daripada kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubah dengan tangannya. Seandainya dia tidak mampu, hendaklah dengan lisannya. Seandainya dia tidak mampu, hendaklah dengan hatinya. Itu merupakan selemah-lemah iman.

[Sahih Muslim, Kitab al-Iman, hadis no: 49]

Huraian hadis

Kedua-dua hadis ini menunjukkan pentingnya amalan nasihat menasihati, mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Hadis ini menunjukkan bahawa setiap orang perlu mencegah kemungkaran sedaya upaya mungkin mengikut kemampuannya. Hendaklah perasaan benci kepada kemungkaran itu ada di dalam hatinya. Jika tiada perasaan benci kepada kemungkaran tersebut, ia menunjukkan bahawa imannya sangat bermasalah.

Kebencian kepada kemungkaran di dalam hati mesti sentiasa ada di dalam hati setiap Muslim, manakala mencegahnya dengan tangan atau lisan bergantung kepada kemampuan masing-masing.

Allah akan menghukum manusia yang berkemampuan mencegah kemungkaran tetapi dia membiarkannya.

عَنْ قَيْسٍ، قَالَ قَالَ أَبُو بَكْرٍ بَعْدَ أَنْ حَمِدَ اللَّهَ، وَأَثْنَى، عَلَيْهِ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّكُمْ تَقْرَءُونَ هَذِهِ الآيَةَ وَتَضَعُونَهَا عَلَى غَيْرِ مَوَاضِعِهَا { عَلَيْكُمْ أَنْفُسَكُمْ لاَ يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ } قَالَ عَنْ خَالِدٍ وَإِنَّا سَمِعْنَا النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " إِنَّ النَّاسَ إِذَا رَأَوُا الظَّالِمَ فَلَمْ يَأْخُذُوا عَلَى يَدَيْهِ أَوْشَكَ أَنْ يَعُمَّهُمُ اللَّهُ بِعِقَابٍ " .

Daripada Qais, beliau berkata: Abu Bakar radiallahu ‘anhu, selepas memuji Allah, beliau berkata: Wahai sekalian manusia, sesungguhnya kalian membaca ayat ini, dan kalian meletakkan ayat ini bukan pada tempatnya. (Ayat itu ialah): Hai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu; tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudharat kepadamu apabila kamu telah mendapat petunjuk (Al-Maidah : 105). Dalam riwayat Khalid, Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya apabila manusia melihat kezaliman tetapi tidak mengambil apa-apa tindakan, Allah akan menghukum mereka. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Malahim, hadis no: 4338]

عَنْ أَبِي أُمَيَّةَ الشَّعْبَانِيِّ، قَالَ أَتَيْتُ أَبَا ثَعْلَبَةَ الْخُشَنِيَّ فَقُلْتُ لَهُ كَيْفَ تَصْنَعُ فِي هَذِهِ الآيَةِ قَالَ أَيَّةُ آيَةٍ قُلْتُ قَوْلُهُ : (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَيْكُمْ أَنْفُسَكُمْ لاَ يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ) قَالَ أَمَا وَاللَّهِ لَقَدْ سَأَلْتَ عَنْهَا خَبِيرًا سَأَلْتُ عَنْهَا رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَقَالَ " بَلِ ائْتَمِرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَتَنَاهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ

Abu Umayyah al-Sya’baniy berkata: Aku datang kepada Abu Tsa’labah al-Khusyaniy, aku berkata kepadanya: Apa yang kau lakukan berkaitan dengan ayat ini: Hai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu; tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudharat kepadamu apabila kamu telah mendapat petunjuk (Al-Maidah : 105). Beliau menjawab: Demi Allah, aku pernah bertanya kepada orang yang tahu tentang hal ini iaitu Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam, baginda menjawab: Hendaklah kalian menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran

حَتَّى إِذَا رَأَيْتَ شُحًّا مُطَاعًا وَهَوًى مُتَّبَعًا وَدُنْيَا مُؤْثَرَةً وَإِعْجَابَ كُلِّ ذِي رَأْيٍ بِرَأْيِهِ فَعَلَيْكَ بِخَاصَّةِ نَفْسِكَ وَدَعِ الْعَوَامَّ فَإِنَّ مِنْ وَرَائِكُمْ أَيَّامًا الصَّبْرُ فِيهِنَّ مِثْلُ الْقَبْضِ عَلَى الْجَمْرِ لِلْعَامِلِ فِيهِنَّ مِثْلُ أَجْرِ خَمْسِينَ رَجُلاً يَعْمَلُونَ مِثْلَ عَمَلِكُمْ "

sehinggalah kalian melihat kebakhilan ditaati, hawa nafsu diikuti, keduniaan telah mewarnai, dan orang bangga dengan pendapatnya, maka hendaklah kalian meninggalkan orang ramai. Ini kerana akan datang selepas kalian hari-hari yang mana orang yang sabar pada waktu itu seperti orang yang menggenggam bara api. Bagi orang yang beramal di tengah-tengah mereka pada hari itu akan mendapat pahala lima puluh orang yang beramal seperti kalian.

[Jami’ at-Tirmizi, Kitab Tafsir al-Quran, hadis no: 3335, hasan gharib]

Abu Sa’id al-Khudri radiallahu ‘anhu menyatakan beliau mendengar Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَيَسْأَلُ الْعَبْدَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَقُولَ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَ الْمُنْكَرَ أَنْ تُنْكِرَهُ فَإِذَا لَقَّنَ اللَّهُ عَبْدًا حُجَّتَهُ قَالَ يَا رَبِّ رَجَوْتُكَ وَفَرِقْتُ مِنَ النَّاسِ " .

Sesungguhnya Allah akan menyoal seorang hamba di hari kiamat, sehingga Dia akan bertanya: Apa yang menghalang engkau daripada daripada mengingkari kemungkaran tatkala engkau melihatnya? Apabila Allah telah menyampaikan hujahnya kepada hamba tersebut, hamba itu akan berkata: Ya tuhan, aku mengharap kepada Mu tetapi aku takut kepada manusia. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Fitan, hadis no: 4017, Shaikh al-Albani menyatakan ia hasan]

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى ٱلْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar; merekalah orang-orang yang beruntung. [Ali Imran : 104]

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah daripada yang munkar, dan beriman kepada Allah.” [Ali Imran: 110]

Dakwah memerlukan keberanian

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ـ صلى الله عليه وسلم ـ قَامَ خَطِيبًا فَكَانَ فِيمَا قَالَ " أَلاَ لاَ يَمْنَعَنَّ رَجُلاً هَيْبَةُ النَّاسِ أَنْ يَقُولَ بِحَقٍّ إِذَا عَلِمَهُ " . قَالَ فَبَكَى أَبُو سَعِيدٍ وَقَالَ قَدْ وَاللَّهِ رَأَيْنَا أَشْيَاءَ فَهِبْنَا .

Daripada Abu Sa’id al-Khudri radiallahu ‘anhu, Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam berkhutbah lalu berkata: Janganlah perasaan takut kepada manusia menghalang mereka daripada berkata yang benar apabila mereka mengetahuinya. Lalu Abu Sa’id pun menangis dan berkata: Demi Allah, sesungguhnya kami pernah melihat sesuatu, dan kami

takut. [Sunan Ibn Majah, Kitab al-Fitan, hadis no: 4007, Shaikh al-Albani menghasankannya]

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " أَفْضَلُ الْجِهَادِ كَلِمَةُ عَدْلٍ عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ "

Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik jihad ialah perkataan yang benar di sisi pemerintah yang zalim. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Malahim, hadis no: 4344, al-Albani mensahihkannya]

Akibat Meninggalkan Amar Ma'ruf Nahi Munkar

لُعِنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِنۢ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ لِسَانِ دَاوُۥدَ وَعِيسَى ٱبۡنِ مَرۡيَمَۚ ذَٰلِكَ بِمَا عَصَواْ وَّكَانُواْ يَعۡتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُواْ لَا يَتَنَاهَوۡنَ عَن مُّنكَرٖ فَعَلُوهُۚ لَبِئۡسَ مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Telah dilaknati orang-orang kafir daripada Bani Israil dengan lisan Daud dan 'Isa putera Maryam. Yang demikian itu, disebabkan mereka derhaka dan selalu melampaui batas. (78) Mereka satu sama lain selalu tidak melarang tindakan munkar yang mereka perbuat. Sesungguhnya amat buruklah apa yang selalu mereka lakukan itu. (79) [Al-Maidah : 78-79]

Apabila manusia mula meninggalkan Amar Ma'ruf Nahi Munkar, kesan buruk itu bukan hanya menimpa pelaku maksiat, bahkan akan menimpa orang-orang yang membiarkan maksiat itu berlaku.

وَٱتَّقُواْ فِتۡنَةٗ لَّا تُصِيبَنَّ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنكُمۡ خَآصَّةٗۖ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلۡعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Takutlah kepada fitnah yang bukan hanya menimpa orang-orang yang melakukan kezaliman sahaja. Ketahuilah bahawa Allah sangat pedih azabnya. [Al-Anfal : 25]

An-Nu'man bin Basyir radiallahu 'anhu meriwayatkan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَثَلُ الْقَائِمِ عَلَى حُدُودِ اللَّهِ وَالْوَاقِعِ فِيهَا كَمَثَلِ قَوْمٍ اسْتَهَمُوا عَلَى سَفِينَةٍ، فَأَصَابَ بَعْضُهُمْ أَعْلاَهَا وَبَعْضُهُمْ أَسْفَلَهَا، فَكَانَ الَّذِينَ فِي أَسْفَلِهَا إِذَا اسْتَقَوْا مِنَ الْمَاءِ مَرُّوا عَلَى مَنْ فَوْقَهُمْ فَقَالُوا لَوْ أَنَّا خَرَقْنَا فِي نَصِيبِنَا خَرْقًا، وَلَمْ نُؤْذِ مَنْ فَوْقَنَا. فَإِنْ يَتْرُكُوهُمْ وَمَا أَرَادُوا هَلَكُوا جَمِيعًا، وَإِنْ أَخَذُوا عَلَى أَيْدِيهِمْ نَجَوْا وَنَجَوْا جَمِيعًا

Permisalan untuk orang taat kepada hukum Allah dan orang yang tidak taat ialah seperti sekumpulan manusia yang mencabut undi di atas kapal. Sebahagian dapat duduk di bahagian atas, sebahagian yang lain dapat duduk di bahagian bawah. Mereka yang duduk di bawah, apabila mahu mencari air, mereka perlu naik ke atas. Lalu mereka yang di bawah berkata: Seandainya kita membuat satu lubang (untuk mendapatkan air), jadi kita tidak akan menyusahkan orang di atas kita. Seandainya penghuni kapal membiarkan mereka melakukan apa yang mahukan, maka mereka semua akan musnah. Jika mereka menghalangnya, maka kesemua mereka akan selamat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Syirkah, hadis no: 2493]